# PELITA BRUNEI
قليتا بروني
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat


MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

**"DAN Tuhan kamu berfirman : berdoalah kamu kepada-Ku nescaya Aku memperkenankan doa kamu. Sesungguhnya orang-orang yang menyombongkan diri daripada beribadat kepada-Ku akan masuk neraka jahanam dalam keadaan hina".**
**- (Surah Al-Mukmin, ayat 56).**

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.43 | SUBUH 4.53 | SYURUK 6.16 | DUHA 6.40 | ZUHUR 12.13 | ASAR 3.34 | MAGHRIB 6.07 | ISYAK 7.21
Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit


TAHUN 67 BILANGAN 147 | 7 DISEMBER 2022 / 1444 جمادىالأول 13 | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU / PERCUMA


***"Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengkufuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin. Wahasbunallahu Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Qowwata Illa Billahil 'Aliyyil 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Aalameen.***

**- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.**

# MEMANDU MASA DEPAN KEPOLISIAN LEBIH TERATUR



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah semasa mengadakan keberangkatan ke Ibu Pejabat Pasukan Polis Diraja Brunei. - Foto : Hamzah Mohidin.**

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 6 Disember. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dalam usianya mencecah lebih 100 tahun, amat mustahak untuk memiliki Peta Korporat Perancangan Strategik bagi memandunya ke arah masa depan kepolisian yang lebih teratur.

Peta Korporat Perancangan Strategik tersebut dilihat akan dapat memperbaiki semua aspek kepimpinan, pengurusan, pentadbiran, latihan dan keupayaan logistik Pasukan Polis.

**>> Muka 3**

# Utamakan tahap keselamatan terbaik demi kesejahteraan pengguna

**Siaran Akhbar : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 6 Disember. - Hari Penerbangan Awam Antarabangsa (International Civil Aviation Day) disambut secara global pada setiap 7 Disember semenjak tahun 1944 bagi memperingati penubuhan International Civil Avation Organisation (ICAO).

Tema sambutan bagi tempoh tahun 2020 hingga 2023 ialah 'Advancing Innovation for Global Aviation Development' di mana pengangkutan udara memainkan peranan penting sebagai pemangkin kepada perkembangan sosial dan juga bagi menjana pertumbuhan ekonomi negara.

Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha menyatakan perkara tersebut dalam perutusannya sempena Hari Penerbangan Awam Antarabangsa 2022.

**>> Muka 8**

# Pengemaskinian caj perkhidmatan EES

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**

**BERAKAS**, Selasa, 6 Disember. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof pada Sidang Media yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, hari ini, memaklumkan beberapa pengemaskinian ke atas caj perkhidmatan Exit and Entry System (EES) yang akan dilaksanakan bermula 12 Disember hadapan.

**>> Muka 5**

# Perpaduan perlu dilaksanakan menurut landasan syariat

**Oleh : Haniza Abdul Latif**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 6 Disember. - Perpaduan merupakan perkara yang sangat penting dalam ajaran agama Islam kerana umat Islam adalah bersaudara.

Perkara ini jelas ada disebut di dalam Al-Quran sepertimana Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hujurat ayat 10 yang bermaksud "*Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara*".

Perkara tersebut merupakan antara yang terkandung di dalam tazkirah yang bertajuk 'Perpaduan Melalui Kerja-kerja Sukarela' disampaikan oleh Penolong Kaunselor, Jabatan Penjara, Awang Farizal bin Ali semasa Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa 2022 bertempat di Masjid Ash-Shaliheen.

**>> Muka 8**


IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei


# Berita Utama



**HENTIKAN diskriminasi, amalkan kesaksamaan**
**Muka 7**



**KONGSI kepakaran, pengalaman ICT dalam kalangan belia**
**Muka 10**



**EJEN pelancongan UK terokai tempat menarik di NBD**
**Muka 17**



RENCANA
**TINDAKAN menangani cabaran**
**Muka 21**

ڤليتا بروني
PELITA BRUNEI

# Mengenal pasti gangguan aktiviti perniagaan kritikal



TIMBALAN Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid selaku Pengerusi BIACC semasa berucap pada Majlis Anugerah BIACC ISO 22301:2019 (Sistem Pengurusan Kesinambungan Perniagaan) pada Selasa, 25 Oktober 2022 bertempat di Indera Kayangan Ballroom, The Empire Brunei.

**Terjemahan oleh :**
**Haji Mirazman Haji Othman**

**Bismillahir Rahmanir Rahim**
**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Pagi**

SAYA sangat gembira berada di sini hari ini untuk menyertai awda semua semasa kita memperingati pencapaian hari ini; 'Majlis Penganugerahan BIACC untuk ISO 22301:2019 (Sistem Pengurusan Kesinambungan Perniagaan [BCMS])'.

Hari ini, kami memuji usaha BIACC Sdn. Bhd. dalam meningkatkan keupayaan mereka dalam kesinambungan perniagaan melalui pensijilan ISO 22301:2019.

Berbanding dengan dunia yang kita biasa hanya dua tahun lalu, yang kita alami hari ini berbeza sama sekali. Pandemik COVID-19 memberi kesan kepada ekonomi dan gaya hidup kita, mengubah cara kita bekerja dan cara kita berfungsi. Akhirnya, ia telah membawa kepentingan kepada peranan yang betul. Pengurusan Kesinambungan Perniagaan, atau singkatannya BCM, sebagai instrumen yang berharga untuk memastikan pertahanan terbaik terhadap ancaman yang tidak dapat dielakkan dan yang tak terduga.

BCM, sebagai proses pengurusan bersepadu, bertujuan untuk mengenal pasti risiko yang serius bagi sesebuah organisasi pada peringkat awal dan seterusnya mengenal pasti langkah-langkah untuk mengurangkan gangguan kepada aktiviti perniagaan yang kritikal. BCM terdiri daripada prosedur-prosedur yang terancang dan teratur untuk meningkatkan daya tahan proses-proses perniagaan yang kritikal bagi sesebuah organisasi, untuk bertindak balas dengan sewajarnya, dan selepas itu, supaya dapat meneruskan aktiviti perniagaan secepat mungkin.

BCM mesti dilihat sebagai idea bersepadu yang memberi kesan kepada organisasi secara keseluruhan di mana setiap ruang kerja disertakan dan diambil kira untuk mengurangkan risiko jangka panjang syarikat.

Pelaksanaan ISO 22301:2019 (BCMS); piawaian antarabangsa untuk Pengurusan Kesinambungan Perniagaan, menyediakan rangka kerja praktikal untuk menubuhkan dan mengurus sistem pengurusan kesinambungan perniagaan yang berkesan.

BIACC, dengan jaminan daripada Bureau Veritas Brunei, telah berjaya meningkatkan sistem pengurusan kesinambungan perniagaan sedia ada dengan mengguna pakai piawaian ini secara rasmi, membolehkan BIACC mempunyai kedudukan yang kukuh dalam melindungi perniagaannya daripada potensi ancaman dan gangguan, dan menunjukkan kepada pihak berkepentingan bahawa mereka boleh pulih dengan cepat daripada gangguan operasi untuk terus menawarkan perkhidmatan yang berkesan.

Atas sebab inilah saya berharap melalui pensijilan BIACC, penggunaan ISO 22301:2019 (BCMS) akan lebih meluas di Negara Brunei Darussalam sambil kita terus berusaha untuk mencapai kecemerlangan.

Alhamdulillah, hari ini menandakan satu pencapaian yang membanggakan bagi Kumpulan Syarikat Darussalam Assets. Pada pemahaman saya, BIACC Sdn. Bhd. merupakan syarikat pertama yang mendapat pensijilan ISO 22301:2019 (BCMS) melalui badan pensijilan pihak ketiga (Bureau Veritas). Saya juga berbesar hati untuk menyedari bahawa dengan jaminan berterusan penyampaian perkhidmatan berkualiti, BIACC kekal sebagai salah satu yang terbaik dalam perniagaan logistik kargo udara.

Hari ini benar-benar hari yang membanggakan bagi BIACC dan pasukan pengurusan serta pekerja yang sangat profesional dan berpengalaman. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada BIACC sekali lagi, dan saya mengharapkan lebih banyak lagi pencapaian pada masa hadapan. Dengan kalimah Bismillahirrahmanirrahim saya dengan ini mengaku bahawa BIACC Sdn. Bhd. diperakui ISO 22301:2019.

*Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

**PELAKSANAAN ISO 22301:2019 (BCMS); piawaian antarabangsa untuk Pengurusan Kesinambungan Perniagaan, menyediakan rangka kerja praktikal untuk menubuhkan dan mengurus sistem pengurusan kesinambungan perniagaan yang berkesan.BIACC, dengan jaminan daripada Bureau Veritas Brunei, telah berjaya meningkatkan sistem pengurusan kesinambungan perniagaan sedia ada dengan mengguna pakai piawaian ini secara rasmi, membolehkan BIACC mempunyai kedudukan yang kukuh dalam melindungi perniagaannya daripada potensi ancaman dan gangguan, dan menunjukkan kepada pihakberkepentingan bahawa mereka boleh pulih dengan cepat daripada gangguan operasi untuk terus menawarkan perkhidmatan yang berkesan.**

## WAKTU SEMBAHYANG

| DISEMBER MASIHI | HARI | JAMADILAWAL HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 7 | RABU | 13 | 4.43 | 4.53 | 6.16 | 6.40 | 12.13 | 3.34 | 6.07 | 7.21 |
| 8 | KHAMIS | 14 | 4.43 | 4.53 | 6.16 | 6.41 | 12.13 | 3.35 | 6.07 | 7.22 |
| 9 | JUMAAT | 15 | 4.44 | 4.54 | 6.17 | 6.41 | 12.13 | 3.35 | 6.08 | 7.22 |
| 10 | SABTU | 16 | 4.44 | 4.54 | 6.17 | 6.42 | 12.14 | 3.36 | 6.08 | 7.23 |
| 11 | AHAD | 17 | 4.45 | 4.55 | 6.18 | 6.42 | 12.14 | 3.36 | 6.09 | 7.23 |
| 12 | ISNIN | 18 | 4.45 | 4.55 | 6.18 | 6.43 | 12.15 | 3.37 | 6.09 | 7.24 |
| 13 | SELASA | 19 | 4.45 | 4.55 | 6.19 | 6.43 | 12.15 | 3.37 | 6.09 | 7.24 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | RABU | KHAMIS | JUMAAT |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 31 24 °C | 31 24 °C | 30 24 °C |
| Pekan Bangar | 31 24 °C | 30 24 °C | 30 24 °C |
| Pekan Tutong | 31 24 °C | 31 24 °C | 30 24 °C |
| Kuala Belait | 31 24 °C | 30 24 °C | 30 24 °C |

Wallahualam Bissawab
www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG 7 DISEMBER 2022

### Nikmat rezeki wajib disyukuri

BULAN Disember bagi kebiasaannya adalah musim bagi orang ramai untuk menikmati waktu berehat, meluangkan masa bersama keluarga, melancong ke luar negara, melakukan aktiviti-aktiviti riadah dan sebagainya. Pengalaman dua tahun dari Mac 2020 sehingga sekitar pertengahan tahun 2022 membuatkan banyak aktiviti kekeluargaan tidak dapat dilaksanakan kerana penularan wabak COVID-19. Semasa COVID-19 melanda di Negara Brunei Darussalam, ia adalah salah satu cara Allah Subhanahu Wata'ala mengajar kita untuk berjimat cermat. Kerana mengambil kira faktor ekonomi negara, faktor kesihatan awam. Allah Subhanahu Wata'ala menganugerahkan kepada manusia rezeki sebagaimana layaknya adalah satu nikmat yang wajib kita syukuri serta memanfaatkan rezeki tersebut dengan cara yang betul dan diredai-Nya. Didalam Hadis Qudsi ada menjelaskan bahawa hamba Allah yang mengabdikan diri kepadanya akan dijamin mendapat rezeki dari Allah Subhanahu Wata'ala.

Allah berfirman kepada para malaikat yang diserahkan kepada mereka urusan rezeki anak adam : "*Mana-mana hamba yang kamu dapati yang cita-citanya hanya satu iaitu semata-mata untuk akhirat, jaminlah rezekinya di langit dan di bumi. Dan mana-mana yang kamu dapati mencari rezekinya dengan jujur kerana berhati-hati mencari keadilan, berilah dia rezeki yang baik dan mudahkanlah ia baginya. Dan jika ia telah melampaui batas kepada selain itu, biarkanlah dia sendiri mengusahakan apa yang dikehendakinya. Kemudian dia tidak akan mencapai lebih dari apa yang telah aku tetapkan untuknya*". (Hadis Qudsi riwayat Abu Naim dari Abu Hurairah).

Islam tidak melarang umatnya mengumpul harta kekayaan asalkan harta kekayaan itu kita belanjakan untuk jalan kebaikan dan kebajikan serta tidak berbelanja boros. Berbelanja boros adalah punca pembaziran dan seterusnya boleh mengakibatkan seseorang itu akan kehabisan harta. Allah Subhanahu Wata'ala menyifatkan membazir itu adalah saudara syaitan sepertimana firman-Nya dalam Surah Al-Isra', ayat 27, tafsirnya :

"*Sesungguhnya orang-orang yang boros itu adalah saudara-saudara syaitan, sedang syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhannya*".

Ibnu Mas'ud dan Ibnu Abbas Radiallahuanhum mentafsirkan ayat ini, bahawa pembaziran itu bermaksud perbelanjaan atau menggunakan harta benda bukan pada tempatnya yang sebenar. Oleh itu berbelanjalah secara sederhana, tidak berlebih-lebihan seseorang itu kemampuan yang akhirnya kita sendiri yang ditimpa kesusahan seperti berhutang dan sebagainya. Amalkanlah sikap berjimat cermat serta bersederhana dalam berbelanja dan janganlah kita berbelanja mengikut hawa nafsu.

Walau bagaimanapun, dalam kita mengamalkan hidup berjimat cermat ini, kita juga hendaklah menjauhi sifat bakhil dan kedekut, kerana sifat tersebut melambangkan tidak bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan tidak menunaikan tanggungjawab serta amanah Allah. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Furqan, ayat 67, tafsirnya :

"*Dan juga mereka yang diredai Allah itu ialah yang apabila membelanjakan hartanya, tiadalah melampaui batas dan tiada bakhil kedekut, dan sebaliknya perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu*".

Justeru, hati yang baik itu, sentiasa mencetuskan kedamaian dan ketenangan dalam diri, keluarga dan masyarakat. Imam Al-Ghazali berkata : "*Tujuan memperbaiki akhlak ialah untuk membersihkan hati supaya jernih bagaikan cermin yang dapat menerima cahaya Allah Subhanahu Wataala*".

Perkara ini pernah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Tahun Baru Masihi 2012, antara titah baginda : "*Di samping itu, jangan pula lupa, turut menjadi kunci kestabilan dan kemakmuran ialah amalan 'berjimat cermat'. Sikap berhemat dalam berbelanja, samada di peringkat kerajaan, rumah tangga mahupun individu adalah tonggak survival ekonomi negara. Kerana itu, berbelanja besar diluar kemampuan adalah satu tragedi pahit*".

Marilah kita sama-sama berjimat cermat dalam apa jua hal seharian kita. Elakkan sifat boros dan tamak dalam kita menjalani kehidupan seharian supaya hidup kita sentiasa diberkati oleh Allah Subhanahu Wata'ala jua. Sekian Sidang Pengarang keluaran kali ini. **- Ketua Penyuntingan (Fa)**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتكن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سنديرين برحد، نڬارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# Memandu masa depan kepolisian lebih teratur



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah semasa mengadakan keberangkatan ke Ibu Pejabat Pasukan Polis Diraja Brunei.

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hamzah Mohidin

>> Muka 1

Demikian titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan berangkat ke Mes Pegawai, Ibu Pejabat PPDB, Gadong, hari ini.

"Inilah yang sangat diharapkan untuk mengubati dukacita kita iaitu bersabit di dalam Pasukan Polis masih terdapat banyak jenayah yang dilakukan oleh warga pasukan sendiri seperti rasuah, judi, pecah amanah termasuk bersekongkol dengan geng-geng penjenayah seperti membocorkan jadual sekatan jalan raya dan operasi penggeledahan tempat yang disyaki menjadi markas kegiatan jenayah.

"Sehingga dengan persekongkolan seperti itu menjadikan sukar bagi pihak penguat kuasa untuk mendapatkan bahan bukti," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Berhubung perkara itu, baginda bertitah menegaskan perkara seumpama itu tidak boleh dibiarkan terus berlaku kerana jika dibiarkan ia akan menjejaskan martabat dan kredibiliti pasukan.

"Tetapi soalnya siapakah yang bertanggungjawab untuk membaiki kepincangan itu? Jawapnya ia mestilah dilakukan dari dalam jua kerana Pasukan Polis adalah ibarat sebuah keluarga, jika terdapat sebarang anggota yang bermasalah, bukankah kepala atau ketua keluarga lebih layak menanganinya.

"Dalam makna, adalah ketua-ketua pegawai atasan jua yang lebih utama untuk membuat perhitungan segera tetapi ini pun jika ketua atau pegawai atasan itu bukan pengamal kronisme dan nepotisme, maka barulah dapat diharapkan penyelesaian yang baik dan adil.

"Di bawah ketua, terdapat pula pegawai-pegawai pangkat tinggi, mereka ini juga adalah diingatkan supaya jangan menggunakan kuasa untuk menganiaya anggota-anggota pangkat rendah. Mereka sama sekali tidak berhak untuk berbuat yang demikian itu. Tidak ada pegawai dan anggota PPDB yang *above the law*," titah baginda.

Sebagai pemimpin, tegas baginda lagi, pegawai-pegawai atasan bukannya untuk melindungi mereka yang melakukan kesalahan atau bersekongkol dengan mereka untuk mencari sumber yang menyalurkan maklumat kesalahan mereka itu.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya bertitah, selain dari melakukan penganiayaan, ada juga yang melanggar etika kerja seperti meninggalkan tempat bertugas sebelum lagi acara-acara selesai dan balik ke pejabat untuk berehat.

Malah lebih keji lagi, titah baginda, ada juga yang penyandang pangkat tinggi yang melakukan gangguan seksual terhadap rakan sekerja.

"Beta mahu perkara-perkara ini jangan dipandang ringan oleh ketua. Perkara ini perlu dibanteras kerana tidak ada maknanya jika nama sahaja pegawai keselamatan tetapi perbuatan tidak membawa selamat," tegas baginda.

Terdahulu, dalam titah baginda, PPDB telahpun mencapai usianya ke 100 tahun pada 1 Januari 2021 yang lalu. Di kesempatan ini, baginda mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada semua pegawai dan anggota PPDB, baik yang masih berkhidmat mahupun yang telah bersara atas segala khidmat bakti mereka yang telah dicurahkan.

Baginda seterusnya bertitah, mengimbas balik tempoh 100 Tahun Penubuhan PPDB, pelbagai perkembangan dan perubahan telah dialami oleh PPDB, termasuk pelbagai ujian atau rintangan, namun semua ini tidak boleh mematahkan semangat pasukan.

Pasukan Polis, titah baginda, mesti cekal dan sentiasa bersiap siaga dalam menghadapi apa jua cabaran, di samping terus menjaga diri untuk sentiasa bersih dari sebarang gejala yang boleh melemahkan kita.

Baginda juga menekankan, Pasukan Polis tidak boleh membelakangi peraturan 'the Standard Operation Procedure - SOP' kerana jika sebarang jenayah atau perlanggaran keselamatan tidak ditangani mengikut SOP, maka natijahnya mungkin mengecewakan.

# DISIPLIN BAGI PASUKAN KESELAMATAN ADALAH RUKUN UTAMA YANG MESTI DIPATUHI

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 6 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menekankan sesiapa saja dari kalangan anggota Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) yang melanggar disiplin, perlu bertanggungjawab di atas kelakuan mereka dan tidak berkompromi untuk dibuat perhitungan.

Dalam titah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menambah, adapun keolahan yang tidak bagus semuanya itu namanya ialah melanggar disiplin, sedang disiplin bagi pasukan keselamatan adalah rukun utama yang mesti dipatuhi.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menitahkan perkara tersebut ketika berkenan berangkat ke Mes Pegawai, Ibu Pejabat PPDB, Gadong, hari ini.

Baginda seterusnya bertitah, satu contoh, pada awal tahun 2022, sebilangan anggota Pasukan Polis Marin (POLMAR) yang berpangkat Polis Konstabel hingga Staf Sarjan disyaki terlibat dengan kegiatan pecah amanah dan salah guna kuasa yang melibatkan kegiatan penyeludupan di negara ini.

"Tidakkah ini melanggar disiplin namanya, yang tidak syak lagi telah menjejaskan imej dan reputasi POLMAR dan PPDB secara amnya.

"Dengan ini juga, tahap profesionalisme dan integriti anggota polis dipersoalkan dan sedikit sebanyak telah mengurangkan keyakinan orang ramai terhadap PPDB," titah baginda.

Ini tegas baginda lagi, bukan isu remeh tetapi benar-benar serius dan mengaibkan.

"Lain lagi pelbagai kelemahan yang minta diatasi seperti tidak mampu untuk memanfaatkan projek-projek PPDB yang menelan belanja jutaan ringgit walaupun projek-projek tersebut sudah lama dilaksanakan namun ia tidak atau belum lagi digunakan.

"Juga kelemahan ketara pada masa ini yang masih belum diatasi ialah kekurangan kenderaan di balai-balai polis. Ini tidak syak lagi adalah satu kepincangan yang memerlukan perhatian dan tindakan," titah baginda.

Berhubung perkara ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah menekankan pihak kepimpinan dalam pasukan tidak boleh berdiam diri begitu sahaja tetapi perlu berfikir dan bertindak untuk mengatasi kepincangan, barulah ada makna Pasukan Polis itu mempunyai pemimpin yang berkarisma.

Sebagai langkah ke hadapan, titah baginda, aspek perancangan sumber tenaga manusia mesti dikemas kini.

Titah baginda lagi, perancangan perlu menurut mengambil kira keperluan kepolisian termasuk keperluan bilangan anggota dan keperluan untuk menilai semula sistem kenaikan pangkat dengan mengutamakan merit.

"Semua peringkat perlu dipastikan mempunyai keupayaan dan kemahiran selaras dengan kehendak-kehendak semasa.

"Inilah matlamat utama Pasukan Polis untuk kita dan negara dapat melihatnya sebagai serba lengkap dan sempurna.

"Pesuruhjaya Polis dan Pegawai-pegawai Kanan PPDB perlu memikirkan apa tindakan yang wajar diambil atas teguran-teguran yang telah dititahkan ini dan bukannya selepas ini membuat perkara-perkara yang tidak mendatangkan faedah malah di luar bidang tugas dalam mencari dari mana datangnya sumber maklumat yang diperolehi itu," tegas Kebawah DYMM.





ANTARA pegawai dan anggota Pasukan Polis Diraja Brunei yang hadir (kiri sekali dan kiri).

# KEBAWAH DYMM BERKENAN BERANGKAT KE IBU PEJABAT PPDB





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Ibu Pejabat Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Gadong. Berangkat sama, paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) (kiri, atas dan bawah kanan). Sementara gambar bawah kiri, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menandatangani Lembaran Keberangkatan.**

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hamzah Mohidin**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 6 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Ibu Pejabat Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Gadong.

Berangkat sama, paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Mes Pegawai, PPDB dijunjung oleh Menteri di JPM, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos; Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu; dan Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali serta Timbalan Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin.

Semasa keberangkatan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah dan seterusnya mengadakan Mesyuarat Tertutup bersama Pegawai-pegawai Kanan PPDB.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Timbalan Penguasa Polis, Muhammad Amirul bin Haji Metussin, Penolong Pegawai Siasatan Jenayah Daerah Polis Brunei Muara.

Sebelum berangkat balik, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menandatangani Lembaran Keberangkatan dan seterusnya bergambar ramai bersama para Pegawai Kanan PPDB.

PPDB merupakan sebuah agensi kerajaan yang tertua di negara ini dan tertubuhnya PPDB adalah berikutan Enakmen PPDB yang telah diluluskan pada tahun 1921, namun tarikh sejarah Pasukan Polis adalah seawal tahun 1906.

Sejak ditubuhkan pada tahun 1921, PPDB dengan visinya 'Bersama ke arah keamanan dan keselamatan yang berkekalan', telah melalui pelbagai zaman, perubahan, cabaran-cabaran, kejayaan dan kecemerlangan dalam menjaga kestabilan negara serta dapat meningkatkan mutu perkhidmatan yang lebih berkualiti sejajar dengan perkembangan dan peredaran masa.

Pasukan berkenaan juga telah melalui banyak peristiwa penting dan signifikan pada peringkat nasional, serantau dan juga antarabangsa.








**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda berkenan bergambar ramai bersama para Pegawai Kanan PPDB.**

# BERKENAN MENYERTAI SESI BERGAMBAR SKUAD DPMM FC



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, juga selaku Pengerusi Kelab Bola Sepak DPMM FC berkenan berangkat menyertai sesi bergambar ramai bersama ahli pengurusan kelab dan skuad DPMM FC, yang baru sahaja dinobatkan sebagai juara Piala FA Brunei 2022.**

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Masri Osman**

**JERUDONG**, Isnin, 5 Disember. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, juga selaku Pengerusi Kelab Bola Sepak DPMM FC, berkenan berangkat menyertai sesi bergambar ramai bersama ahli pengurusan kelab dan skuad DPMM FC, yang baru sahaja dinobatkan sebagai juara Piala FA Brunei 2022.

Sesi bergambar ramai tersebut berlangsung di Stadium Mini Jerudong.

Juga hadir ialah Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim bin Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak (Dr.) Kemaluddin Al-Haj, selaku Timbalan Pengerusi DPMM FC.

Turut menyertai bagi sesi bergambar ramai ialah Pengurus Pasukan DPMM FC, Awang Ali bin Haji Momin.

Selesai sesi bergambar ramai, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan beramah mesra bersama ahli pengurusan kelab dan pemain-pemain pasukan DPMM FC.

Pasukan DPMM FC berjaya menjulang Piala FA Brunei 2022 setelah menewaskan Kasuka FC dengan keputusan 2 - 1, dalam aksi perlawanan yang berlangsung di Padang dan Balapan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, pada 4 Disember 2022 baru-baru ini.

Pada acara tersebut, dua pemain DPMM FC turut menerima Anugerah Pemain Muda Terbaik yang diberikan kepada Awang Muhammad Hakeme Yazid Said, manakala Pemain Terbaik diterima oleh Awang Muhd. Nurikhwan Othman.

Sementara Muhammad Azwan Ali Rahman telah diberikan peranan sebagai kapten pasukan, menerajui skuad yang dibarisi dengan gabungan pemain muda dan berpengalaman, dan di bawah kendalian Ketua Jurulatih, Mohammad Helme Panjang.



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan beramah mesra bersama pemain-pemain pasukan DPMM FC.**

# Pengemaskinian caj perkhidmatan EES

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Alishahrin Haji Mumin**

**>> Muka 1**

Perkara tersebut adalah berikutan pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan dari itu Jawatankuasa Pandu COVID-19 dengan ini memaklumkan bahawa Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui Jabatan Kastam dan Eksais Diraja akan mengemas kini kadar bayaran caj perkhidmatan, yang pada ketika ini dikenakan sebanyak BND3 satu hala, bagi setiap orang yang akan membuat perjalanan melalui pos-pos kawalan darat di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Pengemaskinian caj perkhidmatan dikenakan ke atas setiap kenderaan yang akan membuat perjalanan melalui kesemua pos kawalan darat di NBD menurut kadar-kadar seperti berikut iaitu bagi kenderaan penumpang dengan muatan tidak melebihi tujuh orang termasuk pemandu, akan dikenakan bayaran sebanyak BND3 setiap kenderaan bagi satu hala perjalanan.

Manakala bayaran sebanyak BND6 bagi satu hala perjalanan akan dikenakan setiap kenderaan dengan muatan lebih daripada tujuh hingga 25 orang termasuk pemandu seperti van atau bas mini.

Seterusnya, kenderaan penumpang dengan muatan lebih daripada 25 orang termasuk pemandu seperti bas, akan dikenakan bayaran sebanyak BND10 setiap kenderaan bagi satu hala perjalanan.

Sementara kenderaan komersial yang tidak akan memerlukan pemeriksaan melalui mesin pengimbas (*x-ray machine*), akan dikenakan bayaran sebanyak BND6 setiap kenderaan bagi satu hala perjalanan.

Manakala bagi kenderaan komersial yang perlu menjalani pemeriksaan melalui mesin pengimbas (*x-ray machine*) pula akan dikenakan bayaran sebanyak BND10 setiap kenderaan bagi satu hala perjalanan.

Bayaran caj perkhidmatan akan dikenakan ke atas semua kenderaan yang hendak melalui kesemua pos kawalan darat NBD tanpa mengira tempat pendaftaran kenderaan tersebut iaitu sama ada ia mempunyai pendaftaran NBD atau berpendaftaran luar negara.

Juga hadir pada Sidang Media tersebut, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Menteri Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dan Pemangku Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid.



**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada Sidang Media berkenaan.**

## COVID-19 : 482 kes disahkan sembuh

**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Infografik : Kementerian Kesihatan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 6 Disember. - Sebanyak 482 kes disahkan sembuh, yang membawa jumlah keseluruhan kes yang sembuh meningkat menjadi 257,459.

Menurut Infografik Status Harian Normal Baharu COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan hari ini, tiada kes yang dilaporkan dalam Kategori 4 manakala, dua kes berada dalam Kategori 5, iaitu mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU).

Bagi Program Vaksinasi setakat 6 Disember 2022, sebanyak 86.9 peratus kanak-kanak yang berumur 5 hingga 11 tahun menerima dua dos vaksin dan sebanyak 62.2 peratus remaja, berumur 12 hingga 17 tahun menerima tiga dos vaksin.

Sementara itu, sebanyak 78.9 peratus rakyat dan penduduk negara ini mendapatkan tiga dos vaksin dan 11.3 peratus menerima empat dos vaksin COVID-19.



PELITA BRUNEI

# PENGECUALIAN BAYARAN CAJ PERKHIDMATAN EES

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Alishahrin Haji Mumin**

**BERAKAS**, Selasa, 6 Disember. - Pengemaskinian ke atas kadar bayaran caj perkhidmatan EES mulai 12 Disember yang baru dimaklumkan hari ini oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof juga menyatakan tentang beberapa pengecualian bayaran caj perkhidmatan.

Pada Sidang Media berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, hari ini, Yang Berhormat juga memaklumkan bahawa bayaran caj perkhidmatan akan dikecualikan bagi pejalan kaki dan kenderaan-kenderaan seperti basikal, motosikal serta kenderaan yang dimiliki oleh kerajaan Negara Brunei Darussalam (NBD) atau kerajaan luar negara bagi kegunaan rasmi.

Selain itu, kata Yang Berhormat, caj perkhidmatan juga dikecualikan pada kenderaan yang dimiliki oleh Pegawai Kerajaan NBD atau kerajaan luar negara bagi menjalankan tugas rasmi dan kenderaan yang dimiliki oleh Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Yang Berhormat juga menambah, pengecualian tersebut juga termasuk bagi kenderaan khusus seperti ambulans, bomba, polis dan kenderaan yang digunakan bagi tujuan pengebumian dan kenderaan yang digunakan oleh mana-mana orang di bawah Diplomatic Privileges (Vienna Convention) Act (Chapter 117) dan Consular Relations Act (Chapter 118).




**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM); Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan Yang Mulia Pemangku Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II pada Sidang Media yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.**

# Dapatkan Kod QR lebih awal sebelum perjalanan dibuat

**BERAKAS**, Selasa, 6 Disember. - Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) akan menguruskan bayaran balik atau *refund* bagi orang ramai yang telah merancang untuk merentas sempadan pada atau selepas Isnin, 12 Disember 2022, akan tetapi telah lebih awal membuat pembayaran caj perkhidmatan melalui Exit and Entry System (EES).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof menyatakan demikian pada Sidang Media, hari ini, yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Berikut persoalan pihak media mengenai Kod QR, Pemangku Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid menjelaskan bahawa Kod QR bagi mereka yang hendak membuat perjalanan selepas 12 Disember perlu mendapatkan Kod QR yang baharu.

Oleh yang demikian, bagi memastikan perjalanan merentas sempadan melalui pos kawalan darat berjalan dengan lancar, orang ramai adalah dinasihatkan untuk membuat pendaftaran, permohonan, pembayaran caj perkhidmatan melalui sistem EES *https://login.bdnsw.gov.bn/ees/user/login* dan seterusnya mendapatkan Kod QR lebih awal sebelum perjalanan dibuat.

Selain itu, memastikan dokumen perjalanan hendaklah sah sekurang-kurangnya tidak kurang tiga bulan sebelum membuat perjalanan sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan.

Sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai boleh menghubungi JKED menerusi talian +673 2382361 atau +673 8323741 pada waktu pejabat atau melalui e-mel *info@customs.gov.bn.*




# Kadar purata kes COVID-19 catat penurunan

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Alishahrin Haji Mumin**

**BERAKAS**, Isnin, 5 Disember. - Kadar purata kes COVID-19 yang dilaporkan di negara ini menunjukkan penurunan, iaitu sebanyak 503 kes sehari, dalam masa satu minggu kebelakangan ini, berbanding dengan kadar pada minggu sebelumnya, iaitu 643 kes sehari.

Sementara itu, sebanyak 46,245 Keputusan Ujian Pantas Antigen (ART) dimuat naik ke aplikasi BruHealth dalam masa satu minggu, di mana 7.5 peratus daripadanya adalah keputusan ART yang positif.

Perkara itu dimaklumkan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar semasa Sidang Media Normal Baharu COVID-19 Negara Brunei Darussalam, di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

"Pada hari ini, dua kes di dalam Kategori 5, yakni yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU). Manakala satu kes berada di dalam Kategori 4, iaitu yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga mengongsikan kadar liputan vaksinasi COVID-19 di Negara Brunei Darussalam setakat 4 Disember 2022, yang kekal berada di tahap yang tinggi.

Menurut Yang Berhormat, 78.9 peratus daripada keseluruhan rakyat dan penduduk negara ini mendapatkan dos ketiga vaksin dan 11.3 peratus mendapatkan dos keempat.

"Pada hari ini, sebanyak 458 kes baharu telah dilaporkan, iaitu 451 kes hasil ART dan tujuh kes adalah hasil dari 176 Ujian Makmal RT-PCR yang telah dilakukan dalam masa 24 jam yang lalu.

"Sementara itu, trend kes Influenza dan jangkitan serupa Influenza (Influenza-like Ilness - ILI) pada minggu lalu terus menunjukkan penurunan dan telah hampir kembali pada kadar normal," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya mengingatkan orang ramai adalah untuk terus berwaspada dan mengambil langkah-langkah pencegahan, seperti mengasingkan diri jika mengalami tanda-tanda jangkitan dan mengelakkan dari tempat-tempat yang penuh sesak, selain segera berjumpa doktor jika tanda-tanda jangkitan berterusan atau semakin teruk.

Individu yang berumur 60 tahun ke atas atau mempunyai masalah-masalah kesihatan dinasihatkan untuk mendapatkan suntikan Influenza, pada setiap tahun.

Dalam pada itu, Yang Berhormat memaklumkan kepada orang ramai mengenai penambahbaikan pada ciri BN on the Move, di aplikasi BruHealth.

"Mulai 8 Disember 2022, pengiraan langkah (*steps*) akan dikemas kini secara automatik apabila aplikasi BruHealth dibuka tanpa perlu memasuki halaman BN on the Move.




**YANG Berhormat Menteri Kesihatan berucap semasa Sidang Media Normal Baharu COVID-19 Negara Brunei Darussalam, di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.**

"Orang ramai adalah digalakkan untuk sering membuka aplikasi BruHealth masing-masing untuk membolehkan aplikasi berkenaan mengemas kini kiraan langkah pemilik akaun.

"Pengiraan langkah ini juga boleh dikemas kini walaupun semasa berada di luar negara," kata Yang Berhormat.

# HENTIKAN DISKRIMINASI, AMALKAN KESAKSAMAAN






YANG Berhormat Menteri Kesihatan selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah PJSC hadir selaku tetamu kehormat menyampaikan sijil kepada penerima (atas), manakala gambar kanan, Yang Berhormat Menteri Kesihatan semasa hadir dan bergambar ramai.

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Alishahrin Haji Mumin**

**JERUDONG**, Isnin, 5 Disember. - Pusat Strok dan Pemulihan Neurosains Brunei (BNSRC), Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC), hari ini, memperingati Hari Antarabangsa Orang Kelainan Upaya (HAOKU) 2022 dengan mengadakan acara dan pameran, yang berlangsung di Lecture Theatre, PJSC, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah PJSC.

Semasa berucap Yang Berhormat Menteri Kesihatan, antara lain menjelaskan, menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), terdapat kira-kira 15 peratus daripada keseluruhan orang dewasa dan kanak-kanak di seluruh dunia mengalami kelainan upaya, di mana dua peratus hingga empat peratus mengalami masalah yang menyebabkan kesukaran untuk berfungsi.

Yang Berhormat menambah, jumlah tersebut terus meningkat disebabkan oleh pelbagai faktor, seperti peningkatan umur dan peningkatan penyakit kronik.

"Isu ini terus mendapat perhatian global apabila WHO mengeluarkan Laporan Global mengenai Kesaksamaan Kesihatan bagi Orang Kelainan Upaya semasa Perhimpunan Kesihatan Sedunia Yang Ke-74, pada tahun ini.

"Laporan tersebut telah dihasilkan susulan daripada beberapa Sesi Konsultasi dengan negara-negara ahli, termasuk Negara Brunei Darussalam dan juga beberapa pihak yang berkepentingan di dalam sektor kelainan upaya dankesihatan.

"Laporan ini, antara lain memberikan penekanan terhadap kepentingan isu kelainan upaya di peringkat global, di mana setiap orang yang berkelainan upaya juga mempunyai hak yang saksama untuk mencapai tahap kesihatan yang tinggi," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya berkata, tema bagi Sambutan HAOKU pada tahun ini ialah 'Penyelesaian transformatif bagi pembangunan inklusif : Peranan inovasi dalam memacu dunia yang terbuka dan saksama', di mana tema yang menyeluruh dan komprehensif ini mengingatkan kita, bahawa orang kehilangan upaya juga mempunyai keperluan yang sama seperti orang lain, termasuk dalam mendapatkan apa jua perkhidmatan dan penjagaan kesihatan.

"Malahan, segala perkhidmatan yang diberikan tidak sepatutnya mendiskriminasi golongan kelainan upaya. Segalanya perlu terbuka dan saksama bagi semua orang, termasuk setiap individu yang berkelainan upaya.

"Oleh itu, kita perlu memastikan perkhidmatan yang diberikan diiringi dengan inovasi-inovasi tertentu yang lebih memudahkan orang-orang berkelainan upaya supaya mereka juga dapat memanfaatkan kemudahan-kemudahan yang disediakan dengan adil dan saksama," kata Yang Berhormat.

Terdahulu, Ketua Jabatan Pemulihan, Dr. Abang Muhammad Fahmy bin Abang Hepnie selaku Pengerusi HAOKU dalam ucapan alu-aluannya menjelaskan, sambutan yang diadakan pada setiap 3 Disember berkenaan, antara lain bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai dan pihak-pihak berkepentingan mengenai Orang Kelainan Upaya.

Yang Berhormat seterusnya melancarkan HAOKU 2022, diikuti dengan tayangan video temu bual Pesakit Kelainan Upaya dan tayangan filem pendek oleh Awang Hadi Hisyamuddin Hamzah, yang merupakan pesakit BNSRC.

Yang Berhormat kemudian menyempurnakan Penyampaian Sijil Penghargaan kepada Pesakit-pesakit Kelainan Upaya serta organisasi-organisasi dan vendor-vendor yang mengambil bahagian, diikuti dengan sesi bergambar ramai.

Seterusnya, Yang Berhormat dijemput untuk menyaksikan pameran dan *booth* dari Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), SMARTER Brunei, Majlis Paralimpik Brunei Darussalam dan jabatan-jabatan di bawah BNSRC, termasuk Unit Psikologi, Terapi Seni, Fisioterapi, Terapi Pertuturan dan Bahasa, Terapi Pekerjaan, Jabatan Dietetik, Pekerja Sosial Perubatan dan Jabatan Kejururawatan.

Kempen tersebut diharap agar dapat meningkatkan pengetahuan tentang kepentingan melibatkan Orang Kelainan Upaya dalam semua aspek kehidupan politik, sosial, ekonomi dan budaya.

Juga hadir, Pengarah Eksekutif PJSC, Dr. Awang Haji Mazrul Adimin bin Haji Awang Besar, serta Pegawai-pegawai Kanan, Pegawai dan Kakitangan dari Kementerian Kesihatan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) juga PJSC.

# Sebarkan semangat, budaya sukarelawan masyarakat



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan dalam perutusan sempena Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa 2022.

**Siaran Akhbar : Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan**
**Foto : Jabatan Penerangan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 5 Disember. - Alhamdulillah, dengan kurnia serta izin Allah Subhanahu Wata'ala, kita dapat meraikan Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa (International Volunteer Day) yang disambut pada setiap 5 Disember oleh Negara Brunei Darussalam (NBD) dan negara-negera Ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Tema sambutan tahun ini adalah 'Perpaduan Melalui Kerja Sukarela' atau 'Solidarity Through Volunteering' di mana ianya bertepatan dengan keadaan dunia dan negara yang berdepan dengan cabaran pandemik COVID-19 serta sebagai usaha untuk membudayakan semangat sukarela dalam kalangan masyarakat amnya dan para belia khususnya.

Perkara ini antara yang digariskan oleh Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, dalam perutusan sempena Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa 2022.

Jelas Yang Berhormat, Hari Sukarelawan Antarabangsa bertujuan untuk meraikan serta memberikan penghargaan kepada kerja sukarela serta para sukarelawan.

"Dalam situasi pada masa ini, kita turut sedar bahawa sukarelawan memainkan peranan penting dalam mengukuhkan hubungan sesama masyarakat.

"Sukarelawan bukan lagi dilihat sebagai suatu aktiviti pengisi masa lapang tetapi dilihat sebagai suatu wadah bagi menyebarkan semangat perpaduan di antara masyarakat," ujarnya.

Malah, penularan wabak COVID-19 tambahnya, telah menyaksikan semangat perpaduan dari seluruh lapisan masyarakat dalam sama-sama membantu kerajaan mengekang penularan wabak. Lebih 10,000 sukarelawan daripada pelbagai agensi telah turun padang menghulurkan bantuan baik berupa tenaga, material mahu pun buah fikiran melalui pendekatan Whole of Nation Approach".

Justeru, sebagai sokongan berterusan kepada Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) menurutnya, telah memperkenalkan satu inisiatif bagi menggalakkan masyarakat pada amnya serta para belia khususnya bergiat aktif di bidang sukarela melalui Kempen Hari Bertindak atau Day of Action.

Yang Berhormat menyatakan kempen tersebut mula diperkenalkan pada tahun 2015 sebagai usaha untuk mengumpul serta mengerakkan para sukarelawan, penggiat aktiviti sukarela serta badan-badan bukan kerajaan dari seluruh daerah dalam sama-sama menyertai serta melaksana aktiviti sukarela.

"Alhamdulillah, semenjak ia diperkenalkan, hampir 1,000 aktiviti di bawah 9 Kluster yang merangkumi bidang Kerohanian & Keugamaan, Masyarakat, Bencana Alam, Keusahawanan Sosial, Seni & Budaya, Pendidikan Inklusif, Hak Asasi Haiwan, Inisiatif Hijau dan Pembangunan Belia dengan melibatkan sekitar 20,000 sukarela telah menyertai kempen ini.

"InsyaaAllah, bagi tahun 2022, Majlis Pelancaran Utama Kempen Hari Bertindak akan diadakan pada hari Ahad, 11 Disember 2022," jelasnya dalam perutusan tersebut.

Dalam hal ini, Yang Berhormat berharap kempen seumpama itu, dapat mengukuhkan di samping menyebarkan lagi semangat dan budaya sukarelawan dalam kalangan masyarakat umumnya dan para belia khasnya.

Hal ini jelas telah ditekankan di dalam 'State of the World's Volunteerism Report 2018' di mana sukarelawan tegasnya, memainkan peranan penting dalam pembentukan sebuah masyarakat yang berdaya tahan.

Bahkan, hal ini juga jelas Yang Berhormat adalah bertepatan dengan nilai-nilai Melayu Islam Beraja yang menekankan pentingnya semangat gotong royong dalam kalangan masyarakat bagi memastikan keharmonian kehidupan bermasyarakat.

Bagi mengakhiri perutusan, Yang Berhormat dengan iringan doa serta harapan yang tinggi bagi pembangunan sukarelawan, mengucapkan 'Selamat Hari Sukarelawan Antarabangsa kepada seluruh Sukarelawan di NBD'.

- **HARI Sukarelawan Antarabangsa bertujuan untuk meraikan serta memberikan penghargaan kepada kerja sukarela serta para sukarelawan.**
- **SUKARELAWAN bukan lagi dilihat sebagai suatu aktiviti pengisi masa lapang tetapi dilihat sebagai suatu wadah bagi menyebarkan semangat perpaduan di antara masyarakat.**
- **SATU inisiatif bagi menggalakkan masyarakat pada amnya serta para belia khususnya bergiat aktif di bidang sukarela melalui Kempen Hari Bertindak atau Day of Action.**
- **KEMPEN seumpama itu, dapat mengukuhkan di samping menyebarkan lagi semangat dan budaya sukarelawan dalam kalangan masyarakat umumnya dan para belia khasnya.**

PELITA BRUNEI

# UTAMAKAN TAHAP KESELAMATAN TERBAIK DEMI KESEJAHTERAAN PENGGUNA

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

>> Muka 1

Dalam hal ini, pihak Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dengan kerjasama berbagai pihak secara bersepadu tegasnya, akan sentiasa memastikan dan mengutamakan tahap keselamatan yang terbaik demi kesejahteraan pengguna-pengguna lapangan terbang, di samping meningkatkan tahap keyakinan orang ramai melalui projek-projek inovatif dan berteknologi, selaras dengan hala tuju ke arah mencapai visi Negara Pintar.

Malahan, ICAO bersama negara-negara anggota dan industri penerbangan sejak beberapa tahun kebelakangan ini jelas Yang Berhormat, telah pun bergiat aktif dalam mendukung pemulihan ekonomi sektor pengangkutan melalui inisiatif inovatif berikutan impak dan kesan penularan global wabak COVID-19.

Menurutnya, inovasi dalam penyediaan perkhidmatan adalah di antara pemangkin ke arah pemulihan dan pertumbuhan sektor ini. Sektor Penerbangan Negara Brunei Darussalam (NBD) juga tidak terlepas daripada perkara ini di mana Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) telah mula menyaksikan peningkatan di dalam permintaan ruang penerbangan kargo untuk import dan eksport berikutan dengan penambahan operasi pengendali kargo udara di LTAB.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary seterusnya berkata, NBD selaku negara Ahli ICAO melalui Jabatan Penerbangan Awam (DCA), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi turut menyokong usaha-usaha ICAO dalam melaksanakan garis panduan Council Aviation Recovery Taskforce (CART) bagi langkah-langkah mitigasi untuk mengurangkan risiko kesihatan pada penumpang dan pekerja-pekerja di lapangan penerbangan.

Garis panduan ini juga katanya lagi, akan dapat meningkatkan lagi keyakinan orang ramai, pekerja penerbangan, rangkaian bekalan global dan pihak kerajaan.

"Alhamdulillah, pada tahun 2022, LTAB telah menunjukkan pertumbuhan kemasukan dan perlepasan trafik udara yang sangat menggalakkan. Merujuk kepada perangkaan trafik udara yang diterima bagi bulan Januari hingga Oktober 2022, aktiviti penerbangan mencatatkan sebanyak 4,732 pergerakan berbanding 2,135 pergerakan pada tahun 2021 bagi tempoh yang sama.

"Manakala, pergerakan penumpang juga telah merekodkan pertumbuhan yang sangat menggalakkan dengan jumlah 375,417 orang penumpang berbanding 36,107 orang pada tahun sebelumnya. Begitu juga dengan pengangkutan kargo yang telah mencatatkan sebanyak 9,235 tan matriks pada 10 bulan pertama 2022 dengan kadar pertumbuhan meningkat sebanyak 16.3% bersamaan 1,296 tan matriks dari tahun sebelumnya bagi tempoh yang sama," ujar Yang Berhormat.

Selain itu, Yang Berhormat mengongsikan antara lain pencapaian dari sektor penerbangan awam tahun ini ialah penandatanganan Perjanjian Pengangkutan Udara Komprehensif di antara Negara-negara Ahli Association of Southeast Asian Nations, dan the European Union (ASEAN-EU CATA) semasa Mesyuarat Menteri-menteri Pengangkutan ASEAN Ke-28 di Bali, Indonesia pada 17 Oktober 2022.

Perjanjian Pengangkutan Udara ini terangnya, merupakan perjanjian blok-ke-blok pertama di dunia di antara negara ASEAN dan Eropah bagi mengukuhkan lagi hubungan udara di antara negara ASEAN dan Eropah.

Justeru, Yang Berhormat berharap menerusi perjanjian tersebut dapat mendukung pemulihan sektor penerbangan awam dengan menghidupkan semula ketersambungan (*connectivity*) di antara kedua-dua rantau yang berpotensikan 1.1 bilion penduduk dengan memudahkan interaksi perniagaan, perdagangan dan pelancongan.

Dengan ini, ke arah matlamat untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada semua penumpang-penumpang di sepanjang perjalanan mereka, Jabatan Penerbangan Awam bersama-sama dengan pihak berkepentingan tambahnya, akan terus bekerjasama demi mematuhi piawaian keselamatan dan sekuriti penerbangan awam di samping berusaha menjamin keselesaan dan kelancaran proses-proses penerbangan secara menyeluruh.

Dalam kesempatan itu, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi dalam perutusan ini turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua komuniti penerbangan atas sokongan dan usaha yang padu dalam memastikan setiap operasi perkhidmatan udara sentiasa berjalan dengan efisien dan cekap.

- **AKAN sentiasa memastikan dan mengutamakan tahap keselamatan yang terbaik demi kesejahteraan pengguna-pengguna lapangan terbang, di samping meningkatkan tahap keyakinan orang ramai melalui projek-projek inovatif dan berteknologi, selaras dengan hala tuju ke arah mencapai visi Negara Pintar.**
- **BERGIAT aktif dalam mendukung pemulihan ekonomi sektor pengangkutan melalui inisiatif inovatif berikutan impak dan kesan penularan global wabak COVID-19.**
- **LAPANGAN Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) telah mula menyaksikan peningkatan di dalam permintaan ruang penerbangan kargo untuk import dan eksport berikutan dengan penambahan operasi pengendali kargo udara di LTAB.**
- **PENCAPAIAN dari Sektor Penerbangan awam tahun ini ialah penandatanganan Perjanjian Pengangkutan Udara Komprehensif di antara Negara-negara Ahli Association of Southeast Asian Nations, dan the European Union (ASEAN-EU CATA) semasa Mesyuarat Menteri-menteri Pengangkutan ASEAN Ke-28 di Bali, Indonesia pada 17 Oktober 2022.**



**YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi dalam perutusan sempena Hari Penerbangan Awam Antarabangsa 2022.**

# Perpaduan perlu dilaksanakan menurut landasan syariat

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



**TAZKIRAH disampaikan oleh Penolong Kaunselor, Jabatan Penjara, Awang Fariszal bin Ali.**

>> Muka 1

Menurutnya lagi, perpaduan adalah semata-mata untuk mencari keredaan Allah Subhanahu Wata'ala kerana itulah perpaduan perlu dilaksanakan menurut landasan syariat.

Manakala kerja-kerja sukarela itu tambahnya, ialah kegiatan yang dilakukan dengan rela hati, ikhlas, tanpa paksaan daripada mana-mana pihak tanpa mengharapkan apa-apa.

Untuk merealisasikan perpaduan yang diredai oleh Allah Subhanahu Wata'ala jelasnya, melalui kerja-kerja sukarela, para sukarela perlu mengaktifkan dirinya dengan niat yang betul iaitu niat melakukan apa saja perkara kerana Allah Subhanahu Wata'ala dan seterusnya mengaktifkan keikhlasan dalam dirinya.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap (Kebeliaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin.

Turut hadir ke majlis berkenaan ialah Ketua-ketua Jabatan; Persatuan dan Pergerakan Belia; Belia-Belia Masjid; Alumni Program-program Kebangsaan dan Antarabangsa; Penuntut-penuntut Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE); Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Kempen Hari Bertindak Sempena Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa 2022; dan belia individu serta orang ramai.

Terdahulu itu, majlis dimulakan dengan Selawat Tafrijiyyah dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Ash-Shaliheen, Awang Haji Md. Izzat Izzuddin bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran.

Majlis turut diselajurkan dengan bacaan Doa Kesyukuran, Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dan Doa Menghindari Wabak COVID-19; dan diakhiri dengan Sembahyang Fardu Asar berjemaah.

Negara Brunei Darussalam melalui KKBS akan mengadakan Kempen Hari Bertindak Sempena Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa 2022 yang bertemakan Solidarity Through Volunteering (Perpaduan Melalui Kerja Sukarela) bermula pada 11 Disember 2022 hingga 31 Januari 2023.

Hari Sukarelawan Antarabangsa adalah mandat daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang diadakan pada 5 Disember setiap tahun di mana ia sebagai peluang unik untuk sukarelawan dan organisasi meraikan usaha mereka, berkongsi dan mempromosi kerja mereka serta menyumbang kepada keamanan dengan menyokong pengiktirafan sukarelawan dalam program pembangunan.

Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa bertujuan untuk menyediakan platform untuk mengumpulkan masyarakat Negara Brunei Darussalam dalam pembangunan semangat kesukarelawanan, serta menjadi lambang perpaduan dan usaha di pelbagai peringkat masyarakat menuju ke arah perubahan melalui pendekatan bersama dan bekerjasama.

Antara lain objektif utama sambutan adalah untuk mengadakan Kempen Hari Bertindak bagi mengumpul dan memantau program kesukarelawanan di samping mengadakan jerayawara untuk memberi kefahaman tentang konsep kesukarelawanan dan memberi penghargaan kepada sukarelawan dan organisasi yang aktif dalam kerja sukarela.

Kempen Hari Bertindak pada tahun ini mempunyai sembilan kluster program iaitu Hak Asasi Haiwan; Seni dan Budaya; Masyarakat; Bencana Alam; Pendidikan; Inisiatif Hijau; Keusahawanan Sosial; Kerohanian dan Keugamaan; dan Pembangunan Belia.

Lebih 30 aktiviti telah disusun setakat ini bagi Kempen Hari Bertindak 2022 seluruh negara dengan melibatkan lebih daripada 25 agensi-agensi dari pelbagai pihak.

Sebarang maklumat mengenai aktiviti-aktiviti Kempen Hari Bertindak boleh diperoleh melalui aplikasi Mengalinga serta Instagram *@jbs.bn* dan *@dayofaction.brunei*.



**SETIAUSAHA Tetap (Kebeliaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) hadir selaku tetamu kehormat majlis.**



# MENYALURKAN PENDIDIKAN PROFESIONAL BERTERUSAN PENILAI, EJEN HARTA TANAH






**SETIAUSAHA Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil (kiri), manakala gambar kanan, Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan semasa berucap pada majlis berkenaan.**

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Hamzah Mohidin**

**BERAKAS**, Isnin, 5 Disember. – Seramai 37 peserta yang berdaftar sebagai penilai dan ejen harta tanah berjaya menamatkan Kursus Real Estate Practices Part 1 and 2 anjuran bersama Lembaga Penilai dan Ejen Harta Tanah (Board of Valuers and Estate Agents – BoVEA) dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE), dengan sokongan AVA Brunei Chapter yang diadakan selama enam hari pada bulan September lalu.

Sehubungan itu, Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan, Sijil Pencapaian dan Sijil Penyertaan kepada Penyampai Taklimat, Peserta Kursus dan Sukarelawan bagi Kursus Real Estate Practices Part 1 and 2 diadakan pagi tadi di Dewan Indera Pahlawan, Pusat Latihan dan Kemahiran Kerja, Kementerian Pembangunan.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil-sijil ialah Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan, Dayang Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak, selaku Pengerusi BoVEA.

Dalam ucapannya, Dayang Dr. Nor Imtihan melahirkan keyakinan, melalui kursus pendek ini dapat menyalurkan pendidikan profesional berterusan (*continuing professional education*) kepada para penilai dan ejen harta tanah berdaftar serta para pekerja yang berkhidmat di bawah penjalan amalan yang diiktiraf.

"Saya percaya melalui kursus ini, ianya memberi manfaat dan peluang bagi meningkatkan pengetahuan dan kemampuan diri (*upskilling*) serta kemajuan perniagaan (*reskilling*) dan mengukuhkan jalinan hubungan baik antara *industry true players* dalam bidang persekitaran industri harta tanah yang kondusif dan berdaya tahan," jelasnya.

Kementerian Pembangunan tambah Dr. Nor Imtihan, juga menaruh kepercayaan kepada para penilai dan ejen harta tanah agar sentiasa peka dengan perundangan yang berkuatkuasa di negara ini, bersikap jujur dan amanah dalam pekerjaan dan perniagaan, memahami keadaan sosiobudaya kehidupan masyarakat *kitani* dengan bijaksana, berusaha untuk meningkatkan pengalaman dengan pendidikan yang relevan dan memantapkan tahap disiplin dan etika masing-masing sebagai seorang profesional dan orang berdaftar pada setiap masa dan keadaan.

Ini ujar beliau, setentunya menambah kepercayaan orang ramai terhadap mutu perkhidmatan yang dijalankan oleh profesional Penilai dan Ejen Harta Tanah berdaftar.

Terdahulu, Pendaftar Penilai dan Ejen Harta Tanah, BoVEA, Pengiran Dr. Harizan bin Pengiran Haji Piut, selaku Pengerusi Majlis pula menjelaskan, kursus seperti ini diharapkan dapat menjadi sebagai satu wadah dalam meningkatkan ilmu pengetahuan dan keupayaan setiap penilai dan agen harta tanah berdaftar khususnya dalam memberikan perkhidmatan kepada orang awam di samping, dapat meningkatkan kredibiliti setiap penilai dan ejen harta tanah dari sudut teknikal dan profesional sebanding dengan amalan terbaik bukan sahaja serantau, malah juga antarabangsa.

"Kita sedia maklum bahawa, bidang Penilai dan Ejen Harta Tanah di negara ini masih lagi dalam peringkat *development stage* yang semakin progresif, dan ini memerlukan pemahaman yang lebih meluas dan mendalam khususnya kepada penjalan amalan, pihak-pihak berkepentingan dan juga masyarakat umum secara amnya bagi memastikan praktis yang dilaksanakan adalah adil saksama dan tiada salah laku pada setiap peringkat bagi kemanfaatan semua," ujarnya menambah.

Majlis juga menyaksikan tayangan klip video sepanjang kursus dijalankan dan seterusnya sesi bergambar ramai.

# Penilai, ejen harta tanah tidak berdaftar menyalahi undang-undang

**Siaran Akhbar : Lembaga Penilai dan Ejen Harta Tanah, Kementerian Pembangunan**

**BERAKAS**, Isnin, 5 Disember. - Kementerian Pembangunan melalui Lembaga Penilai dan Ejen Harta Tanah (Board of Valuers and Estate Agents - BoVEA) sukacita memaklumkan bahawa dua kerjaya utama yang memberikan perkhidmatan dalam industri harta tanah iaitu penilai (*valuer*) dan ejen harta tanah (*estate agent*) adalah di bawah kawal seliaan BoVEA, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam (NBD).

Dengan ini ditekankan bahawa hanya penilai berdaftar (*registered valuer*) dan ejen harta tanah berdaftar (*registered estate agent*) layak dipanggil sebagai penilai atau ejen harta tanah.

Mana-mana individu yang tidak berdaftar atau ejen bebas (*freelancer*) yang mengakui dirinya sebagai seorang penilai atau pun sebagai seorang ejen harta tanah adalah menyalahi undang-undang dan mereka sekali-kali tidak diiktiraf untuk memberikan perkhidmatan berkaitan kepada orang ramai di negara ini.

Sebarang perkhidmatan penilaian (*valuation services*), pengurusan harta tanah (*real estate or property management*) atau perkhidmatan agensi harta tanah (*estate agency*) hanya boleh dijalankan oleh para penilai berdaftar dan ejen harta tanah berdaftar serta mempunyai sijil untuk menjalankan amalan di bawah Lembaga Penilai dan Ejen Harta Tanah.

Mereka merupakan penjalan amalan berdaftar yang diiktiraf (*recognized registered practitioners*) yang mempunyai sijil pendaftaran untuk dirinya; sijil menjalankan amalan untuk perniagaannya; premis perniagaan; serta memiliki insuran indemnity profesional yang sah (*a valid professional indemnity insurance*) untuk perlindungan perniagaannya.

Iklan pemasaran harta tanah (*real estate marketing advertisements*) sama ada yang dibuat melalui platform media masa atau pun iklan berbentuk fizikal di atas tanah khususnya dalam urusan rundingan penjualan, pembelian, penyewaan dan pajakan dengan perjanjian, tawaran atau lelong hanya boleh dijalankan oleh penjalan amalan (*practitioners*) berdaftar di bawah BoVEA sepertimana dihasratkan di bawah Perintah Penilai dan Ejen Harta Tanah, 2009 di NBD.

Manakala bagi kebenaran pemasangan iklan-iklan berbentuk fizikal di atas tanah hendaklah mendapatkan kebenaran terlebih dahulu daripada agensi-agensi kerajaan yang berkenaan.

Para penjalan amalan di negara ini dikehendaki menyatakan nombor pendaftaran dan nombor sijil amalan masing-masing di dalam setiap laporan perkhidmatan penilaian atau iklan pemasaran harta tanah yang dikendalikan.

Orang ramai digalakkan untuk mengesahkan mana-mana individu yang mengakui memiliki sijil pendaftaran dan sijil amalan yang sah yang mana boleh dirujuk terus dengan mudah menerusi senarai penjalan amalan berdaftar yang senantiasa dikemas kini melalui laman sesawang BoVEA: *www.bovea.gov.bn*.

Adalah menjadi kesalahan di bawah bab 22 (g) yang menyatakan "bukannya seorang yang bertindak di bawah arahan dan penyeliaan peribadi langsung seseorang penilai berdaftar atau ejen harta tanah berdaftar melaksanakan atau berjanji untuk melaksanakan sebarang kerja yang diperuntukkan di bawah bab-bab 14 dan 16".

Oleh hal yang demikian, adalah melakukan suatu kesalahan dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi BND5,000.00 dan boleh juga dikenakan denda tambahan sebanyak BND500.00 bagi setiap hari kesalahan tersebut berterusan bagi seseorang yang tidak berdaftar di bawah bab 14(2) dan 16(2).

Mana-mana individu yang cuba memberikan keterangan tidak benar atau palsu yang bertujuan secara sengaja untuk mengganggu gugat kesahihan urusan pendaftaran di bawah BoVEA boleh didakwa di bawah Peruntukan Bab 22 dan Bab 23, Perintah Penilai dan Ejen Harta Tanah, 2009 dan dikenakan denda tidak melebihi dari BND 5,000.00.

Pada menjalankan peruntukan yang terkandung di bawah Perintah Penilai dan Ejen Harta Tanah, 2009 serta bagi sama-sama menanai hasrat Perintah ini, orang ramai adalah diseru untuk melaporkan dengan serta merta kepada Pendaftar (The Registrar) atau Urus Setia (The Secretariat) Lembaga Penilai dan Ejen Harta Tanah jika sekiranya terdapat sebarang unsur-unsur perilaku yang tidak sah dan salah laku dalam mana-mana aktiviti perkhidmatan penilaian, pengurusan dan penjualan harta tanah yang didapati telah dilakukan oleh mana-mana pihak atau individu yang tidak bertanggungjawab dan tidak berdaftar di bawah Lembaga Penilai dan Ejen Harta Tanah, NBD.

Laporan atau aduan secara bertulis yang disertakan dengan bukti sahih hendaklah disampaikan melalui borang aduan (*complaint form*) yang disediakan.

Sebarang iklan urus niaga jual beli, sewa dan pajakan harta tanah di NBD hanya boleh dilakukan oleh ejen harta tanah berdaftar dan penjalan amalan berdaftar di bawah Lembaga Penilai dan Ejen Harta Tanah, NBD.

Bagi mana-mana pemilik harta tanah persendirian berdaftar yang masih berhasrat untuk membuat urusan harta tanah mereka sendiri dengan mana-mana agensi Kerajaan yang berkepentingan adalah masih dibolehkan membuat urusan masing-masing tertakluk ianya tidak melibatkan pengiklanan kepada orang ramai melalui apa jua platform media masa dengan syarat transaksi urusan pindah milik harta tanah adalah di antara keluarga terdekat sahaja yang telah diberikan pengecualian daripada membayar Duti Setem sepertimana peraturan yang berkuatkuasa pada masa ini.

Pemilik harta tanah persendirian berdaftar hendaklah berkemampuan untuk menguruskannya sendiri dengan menunjukkan cukup bukti pemilikan harta tanah yang sah di sisi undang-undang dan sekali-kali tidak dibenarkan untuk memberikan perkhidmatan yang sama bagi harta tanah orang lain.



PELITA BRUNEI

# Mayat Yang Ditanam Tanpa Menghadap Kiblat




**(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)**

**MANUSIA** diciptakan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam bentuk yang sebaik-baiknya, mempunyai kemuliaan dan kehormatan di sisiNya sebagaimana firmanNya dalam surah at-Tin:

**Tafsirnya:** *Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya.*

(Surah at-Tin: 4)

Dalam surah al-Isra', Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

**Tafsirnya:** *Dan demi sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam (manusia).*

(Surah al-Isra': 70)

Menjaga kehormatan manusia itu tidak terbatas semasa hidupnya sahaja bahkan ia juga perlu dijaga setelah kematiannya, khususnya dalam urusan pengendalian mayat. Ini bermakna jasad orang yang meninggal dunia tidak boleh diperlakukan sesuka hati dan tidak boleh disakiti bahkan perlu dilindungi. Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* pernah bersabda:

**Maksudnya:** *Memecah tulang mayat manusia adalah seperti memecahnya ketika dia masih hidup.*

(Hadits riwayat Abu Daud)

Justeru itu, jasad orang yang telah meninggal dunia hendaklah ditanam di dalam tanah sebagaimana disyari'atkan dalam Islam.

Antara hikmah di sebalik kewajipan menanam jasad orang telah meninggal dunia adalah supaya kehormatan jasad itu terpelihara dari terbiar membusuk sehingga menyebabkan ketidakselesaan orang sekeliling dan dimakan oleh binatang.

Menanam jasad orang yang telah meninggal dunia merupakan salah satu daripada empat perkara yang wajib dilakukan dan hukumnya adalah fardhu kifayah. Apabila jasad orang yang meninggal dunia ditanam atau dikubur, maka dilarang untuk menggali semula kubur tersebut melainkan kerana darurat. Namun bagaimana pula jika mayat yang telah ditanam itu dalam keadaan tidak menghadap kiblat, adakah ia termasuk dalam makna darurat yang membolehkan ia digali semula? Maka Irsyad Hukum ini akan menjelaskan hukum mengenainya.

## Menghadapkan Mayat Ke Arah Kiblat

Menurut hukum syara', menghadapkan mayat ke arah kiblat dengan menghalakan badan dan muka ke kiblat seperti orang yang melakukan sembahyang secara baring mengiring adalah wajib. Membaringkan mayat adalah sunat di atas lambungnya sebelah kanan. Adapun membaringkan mayat di atas lambungnya sebelah kiri adalah makruh. Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* menyebut dalam kitabnya Tuhfah al-Muhtaj:

**Ertinya:** *Dan diletakkan (mayat) di dalam liang lahad atau lubang tengah kubur di atas lambung kanannya adalah sunat seperti baring mengiring ketika tidur dan makruh (baring mengiring) di atas lambung kirinya (di samping) menghalakannya ke kiblat adalah wajib.*

## Mayat Ditanam Tidak Menghadap Kiblat

Pada dasarnya, hukum menggali semula kubur selepas mayat ditanam sama ada bertujuan untuk memindah mayat ataupun selainnya adalah haram melainkan disebabkan darurat. Asy-Syaikh al-Khathib asy-Syarbini *Rahimahullah* menyatakan dalam kitabnya Mughni al-Muhtaj:

**Ertinya:** *Dan menggalinya (kubur) selepas pengebumiannya (mayat) untuk tujuan pemindahan dan selainnya adalah haram kecuali kerana darurat.*

Antara perkara darurat itu ialah seperti mayat yang telah ditanam belum lagi dimandikan atau terdapat harta yang jatuh ke dalam lubang kubur seperti cincin dan termasuk juga mayat yang ditanam tanpa menghadap kiblat.

Oleh yang demikian, jika mayat ditanam dalam keadaan tidak menghadap kiblat seperti baring menelentang, atau membelakangi arah kiblat walaupun tapak kakinya menghadap atau mengunjur ke arah kiblat, maka wajib digali semula kuburnya dan dihadapkan muka dan badannya ke arah kiblat dengan syarat mayat tersebut belum berubah. Jika mayat itu telah berubah, maka tidak perlu digali kuburnya. Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitabnya Tuhfah al-Muhtaj menyebut:

**Ertinya:** *Jika (mayat) ditanam dalam keadaan membelakangi (kiblat) atau dalam keadaan menelentang sekalipun kedua kakinya (tapak kakinya) menghadap ke arah kiblat sebagaimana pendapat al-awjah, maka hukumnya adalah haram dan digali selagi mayat itu belum berubah.*

Imam asy-Syarwani *Rahimahullah* ketika mensyarah nas di atas menjelaskan bahawa penggalian itu adalah wajib dan maksud berubah itu ialah berbau busuk.

Berdasarkan penjelasan di atas, jika ada mayat yang ditanam tanpa menghadap kiblat sama ada dalam keadaan membelakangi kiblat atau menelentang sekalipun dengan keadaan tapak kakinya mengunjur ke arah kiblat adalah wajib digali kubur berkenaan untuk menghadapkannya ke kiblat. Walau bagaimanapun perkara ini adalah tertakluk jika mayat belum berubah. Jika mayat itu telah berubah, maka haram digali semula kuburnya.

# Kongsi kepakaran, pengalaman ICT dalam kalangan belia



**PEMANGKU Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta yang menamatkan Program Seeds for the Future 2022 anjuran Huawei Technologies di Negara Brunei Darussalam.**

**Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

**TUNGKU LINK**, Selasa, 6 Disember. - Seramai 55 pelajar dari pelbagai institusi pengajian tinggi menerima sijil masing-masing setelah berjaya menamatkan program Huawei Technologies, Seeds for the Future secara maya dalam sebuah Majlis Penutup yang diadakan di Bangunan Tambahan Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bokiah (PAPRSB IHS), Universiti Brunei Darussalam (UBD), di sini.

Program Seeds for the Future merupakan program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) global utama Huawei Technologies yang mula dilancarkan pada tahun 2008, bertujuan untuk membangunkan bakat teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) tempatan yang mahir dan merapatkan komunikasi antara negara dan budaya.

Dengan berkongsi kepakaran dan pengalaman ICT dalam persekitaran perniagaan global, golongan muda dari negara yang berbeza boleh belajar tentang teknologi canggih dalam era transformasi digital masa kini.

Program yang dijalankan secara maya dengan kerjasama UBD tahun ini disertai oleh pelajar-pelajar UBD; Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA); Universiti Teknologi Brunei (UTB); Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE), Politeknik Brunei; Kolej Antarabangsa Micronet; Kolej Perniagaan Laksamana dan Institut KEMUDA.

Para peserta telah menjalani program selama lapan hari di makmal komputer Bangunan Utama PAPRSB IHS UBD dari 17 hingga 24 Oktober 2022.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan penyampaian sijil ialah Pemangku Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Chin Wei Keh.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Huawei Technologies di Negara Brunei Darussalam (NBD), Kevin Zhang Jianwei dan Ketua Pegawai Eksekutif Imagine Sdn. Bhd dan Ahli Majlis UBD, Dayang Suzannawati binti Haji Suharju.

Terdahulu, Kevin Zhang Jianwei dalam ucapan alu-aluannya menzahirkan penghargaan kepada UBD kerana menjadi tuan rumah bersama program secara maya Seeds for the Future 2022 tersebut selama lapan hari.

Beliau seterusnya mengucapkan tahniah kepada 55 pelajar yang telah mengambil bahagian kerana berjaya menamatkan program intensif di mana mereka berpeluang bertukar pandangan tentang teknologi bersama pakar dalam bidang masing-masing, di samping mempelajari tentang teknologi berbeza yang ditawarkan oleh program tersebut serta bersaing dengan rakan dan pelajar dari negara lain untuk melancarkan projek yang dibangunkan.



**KETUA Pegawai Eksekutif Imagine Sendirian Berhad, Dayang Suzannawati binti Haji Suharju semasa memberikan ucapan.**

Beliau juga mengongsikan bahawa salah satu pasukan Brunei iaitu Team Honor telah memenangi pusingan pertandingan Tech4Good dengan projek 'Our Langkah' dan menggalakkan pasukan tersebut meneruskan projek mereka dan menghidupkannya dengan menyertai Pertandingan Global Tech4Good yang akan diadakan tidak lama lagi.

Sementara itu, Dayang Suzannawati dalam ucapannya pula memuji program berkenaan yang dilihat sebagai pemangkin kepada belia Brunei untuk membangunkan kemahiran dan pengetahuan dalam sektor ICT, mempelajari teknologi terkini seperti Cloud Computing Huawei, Internet of Things; 5G dan Artificial Intelligence.

Beliau menggalakkan para peserta untuk mempunyai rasa dahaga untuk mempelajari perkara baharu, melangkah keluar dari zon selesa serta merebut peluang untuk mengembangkan lagi diri, kepimpinan dan kemahiran insaniah masing-masing.

"Pembelajaran hanya boleh dilakukan jika kita mendedahkan diri kita kepada persekitaran yang berbeza, budaya dan pengalaman yang berbeza.

"Inilah keindahan program Huawei's Seeds for the Future - Anak muda dari negara yang berbeza dapat berkongsi idea dan pemikiran yang akhirnya akan meluaskan pandangan kita," ujarnya.

Semasa program berlangsung, para peserta telah mengenal pasti kemahiran IT yang berkaitan, kekuatan, kelemahan dan jurang pembelajaran pelajar dalam persekitaran maya.

Visi transformasi digital yang diselaraskan dengan Pendidikan 4.0, akan meningkatkan pengalaman pembelajaran digital belia melalui pedagogi pembelajaran baharu dan inovatif yang melengkapi teknologi pendidikan.

Selaras dengan visi tersebut, UBD telah melancarkan Ijazah Sarjana Muda baharu dalam Sains Digital pada 2021, yang memberi tumpuan kepada melengkapkan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran untuk berinovasi dan mencipta teknologi untuk menyelesaikan masalah dunia sebenar.

Program Seeds for the Future telah disampaikan melalui bengkel teknologi dan acara rangkaian di ibu pejabat Huawei di Shenzhen, China.

Seramai 30 pelajar Brunei tajaan Huawei telah mengambil bahagian secara langsung di Shenzhen dan Beijing antara tahun 2015 dan 2019, dan seramai 132 lagi telah mengambil bahagian secara maya antara tahun 2020 dan 2022.

منوجو كريضاءن الله
MENUJU KEREDAAN ALLAH
كلولأن ڤوسة دعوه اسلاميه

# Tangan di atas lebih baik dari tangan di bawah

**HADIS** yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari dalam kitab sahihnya, daripada Hakim bin Hizam Radhiallahu 'anhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

*"Tangan yang di atas (orang yang memberi) adalah lebih baik daripada tangan yang di bawah (orang yang meminta)".*

Ini adalah secara umumnya dimaksudkan dengan 'orang yang memberi lebih baik dari yang menerima'. Maknanya orang berzakat atau bersedekah itu adalah lebih baik daripada orang menerima zakat atau sedekah itu.

Namun apabila diteliti dengan lebih mendalam 'tangan memberi atau tangan yang di atas' yang disebut dalam hadis itu adalah satu falsafah yang bertujuan menggalakkan umat Islam supaya berusaha dan berlumba-lumba untuk mencapai tahap orang yang memberi kerana orang yang memberi ini adalah bermakna orang yang mempunyai kemampuan, lebih-lebih lagi kemampuan memberi zakat. Dengan erti kata lain setiap umat Islam hendaklah berusaha untuk menjadi pemberi zakat bukan penerima zakat, kerana pemberi zakat ini akan dapat pahala yang besar di sisi Allah, manakala penerima zakat atau peminta sedekah pula tidak digalakkan.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Al-Quran sering menyebut dalam Surah Al-Baqarah, ayat 148 yang mafhumnya :

*"Berlumba-lumbalah kamu untuk mengerjakan kebaikan".*

Islam tidak menggalakkan umatnya sebagai penerima zakat yang bererti miskin dan tabiat suka meminta-minta. Orang yang miskin atau tidak berkemampuan itu sentiasalah berusaha untuk menjadi orang yang dapat mengeluarkan zakat. Jika semua umat Islam beramal sepenuhnya dengan hadis berdasarkan falsafah ini umat Islam akan menjadi kuat dari segi ekonomi. Berlakulah persaingan sihat atas asas mendapatkan rezeki sebanyak-banyaknya untuk dapat melaksanakan ibadat maliah seperti zakat dan sedekah ini.

Di zaman Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam para sahabat sangat-sangat menginginkan banyak harta supaya dapat berzakat dan bersedekah. Di zaman sekarang ada yang berlumba-lumba untuk mendapatkan kekayaan dengan tujuan untuk dapat bermewah-mewah dan setengahnya lupa kewajipan zakat. Ada pula yang mendapatkan kekayaan dengan cara yang dilarang oleh Islam seperti menipu, riba dan sebagainya.

Secara umumnya sesuatu transaksi yang jelas haram atau mengandungi unsur haram seperti riba, penipuan dan sebagainya atau tidak menepati syarat kontrak Islam hendaklah dijauhi meskipun kita berniat dengan mengaut keuntungan dari transaksi itu untuk dijadikan zakat kerana Islam tidak menghalalkan segala cara haram untuk mencapai tujuan sekalipun tujuan baik.

Lantaran itu Islam telah mengatur cara untuk mendapatkan kekayaan. Tidak boleh melakukan perkara yang diharamkan dalam mendapatkan harta tersebut seperti yang dipelajari dalam bab *mu'amalat.* Semua transaksi dan bentuk jual beli hendaklah tidak bertentangan dengan prinsip dan dasar yang ditetapkan oleh Islam kerana untuk mendapatkan kekayaan Islam melarang umatnya menggunakan kaedah atau cara penipuan, riba atau apa juga bentuk *mu'amalah* yang dilarang.

Apabila seseorang itu menjadi kaya atau mempunyai kelebihan harta sehingga sampai nisab zakat maka dia mesti memahami bahawa dalam kekayaan yang didapatinya itu ada hak orang fakir miskin yang mesti diberikan kerana tidak semua manusia di dunia ini ditakdirkan kaya. Allah Subhanahu Wata'ala telah menetapkan kewajipan orang kaya terhadap orang miskin. Adalah tidak wajar sama sekali kita mengingkari ketetapan tersebut. Ketetapan zakat ini mempunyai rahsia yang tersendiri yang boleh menjadikan ekonomi umat Islam itu berbeza dengan ekonomi kapitalis dan sosialis yang berasaskan kepentingan material.

Zakat adalah sangat penting dalam membangun ummah, itulah sebabnya kenapa ia diwajibkan, malah dalam sejarah Islam Saiyidina Abu Bakar telah memerangi orang yang ingkar memberi zakat. Dari sudut ekonomi, zakat ini menjadi penyeimbang dan penghubung antara orang kaya dengan orang miskin dan mereka yang termasuk dalam kategori yang patut menerima zakat. Oleh itu, jika institusi zakat ini diuruskan secara maksima dijadikan program perdana dalam sesebuah negara Islam, ia akan berkembang menjadi institusi kebajikan yang sangat berkesan menangani masalah kemiskinan.

Dalam satu hadis riwayat oleh Imam At-Tirmidzi dalam kitabnya Jami'nya, daripada 'Anas bin Malik Radhiallahu 'anhu bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang bermaksud :

*"Hampir-hampir kemiskinan itu membawa kekufuran".*

Hadis ini jika didalami lagi ternyata kebenarannya dan ia berkait rapat dengan kenyataan yang wujud. Bila seseorang itu dalam kemiskinan atau kesukaran untuk hidup, jika ia diberi bantuan oleh seseorang dia akan sangat berterima kasih kerana bantuan itu dalam masa yang sama ia akan merasa terhutang budi. Bila sudah terlalu banyak terhutang budi ia akan menurut kemahuan orang yang memberinya bantuan itu. Inilah yang berlaku kepada dunia Islam sekarang ini. Negara-negara masyarakat Islam sekarang ini dibantu oleh negara tertentu sama ada dalam bidang ekonomi, ketenteraan, politik dan sebagainya bagi menutup mulut mereka apabila berlaku ketidakadilan terhadap orang Islam atau negara Islam yang lain oleh negara tersebut. Ini adalah tindakan balas budi dengan menutup mulut dan akur dengan apa juga tindakan negara tersebut.

Kalau dilihat dalam peringkat masyarakat Islam sendiri atau individu kita akan dapati kenyataan yang sama. Ini bahayanya kemiskinan. Disebabkan kesukaran hidup orang sanggup berbuat apa saja. Ada orang sanggup mencuri, merompak, membunuh bahkan ada yang sanggup menukar agamanya demi mendapatkan bantuan nafkah dan keperluan lain. Maka dengan yang demikian umat Islam perlu meningkatkan ekonominya sendiri agar terhindar daripada perkara yang tidak diingini.



# MINDA PEMBACA

## Waspada sindiket penipuan kewangan

**SINDIKET** penipuan kewangan boleh berlaku dalam pelbagai bentuk, daripada mencuri maklumat peribadi, skim permainan wang hinggalah skim penipuan pelaburan cepat kaya. Sindiket penipuan kewangan ini semakin berleluasa pada masa kini. Antara contoh sindiket penipuan kewangan yang dikenal pasti menurut Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) ialah seperti penipuan pelaburan dalam Bitcoin atau Cryptocurrency, penipuan hartanah, pelaburan skim cepat kaya dan penipuan SMS Lottery. Justeru itu, orang ramai haruslah peka dan berwaspada akan tipu helah dan muslihat skim penipuan kewangan yang dilakukan oleh individu-individu yang tidak bertanggungjawab.

Semenjak penularan wabak COVID-19 di mana sesetengah orang harus bekerja dari rumah atau WFH (Work From Home), penggunaan kaedah bekerja dari rumah ini telah menunjukkan peningkatan penggunaan komputer dan internet untuk pelbagai tujuan secara tidak langsung turut membuka peluang kepada penipu untuk mengorek wang daripada mangsa dengan hanya menggunakan hujung jari. Mereka memancing maklumat apabila mangsa melayari laman sesawang, membuat panggilan telefon, menghantar e-mel atau melalui Khidmat Pesanan Ringkas (SMS). Bagi mengelakkan diri daripada terjerumus dalam sindiket penipuan kewangan, berikut beberapa inisiatif dan langkah berhati-hati yang boleh kita ambil bagi memastikan diri kita dan keluarga kita tidak tertipu dengan skim-skim penipuan kewangan.

Pertama, orang ramai haruslah lebih peka dengan melakukan *tabayyun* iaitu memeriksa dan menyemak terlebih dahulu dengan pihak berkuasa sebelum membuat sebarang pelaburan. Kedua, Orang ramai harus menyelidik terlebih dahulu sebelum memberikan maklumat peribadi kepada mereka yang membuat panggilan atau menghantar SMS untuk mempromosi mahupun menawarkan produk atau perkhidmatan. Kita boleh menjadi lebih peka mengenai penipuan dengan mendapatkan maklumat melalui bacaan akhbar mahupun media sosial ataupun melalui perkongsian daripada rakan atau saudara terdekat. Ketiga, berhati-hati dengan pelaburan yang menjanjikan pulangan tinggi yang tidak logik, contohnya 50 peratus dalam jangka masa pendek.

Kesimpulannya, orang ramai haruslah peka dan berwaspada terhadap apa jua skim penipuan kewangan yang meragukan serta merujuk mana-mana skim yang ditawarkan kepada orang ramai di negara ini kepada pihak BDCB. Dalam pada itu, sekiranya orang ramai berasakan bahawa diri mereka telah tertipu dan menjadi mangsa kepada teknik-teknik penipuan kewangan, maka segeralah membuat laporan polis untuk siasatan lanjut.

**Nama : Nur Amalina binti Haji Md. Yakub**
**No. K/P : 01-015395 (K)**

## Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. **'Isi Cuti Persekolahan dengan Aktiviti Berfaedah'.** Tarikh Tutup : **7 Disember 2022**
2. **'Masa Depan Lebih Baik bagi Setiap Kanak-kanak'.** Tarikh Tutup : **14 Disember 2022**
3. **'Berbelanja dengan Bijak, Elak Pembaziran'.** Tarikh Tutup : **21 Disember 2022**

**Terma dan Syarat :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300** patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**
**Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan**
**Lapangan Terbang Lama, Berakas**
**Bandar Seri Begawan, BB3510**
**Negara Brunei Darussalam.**
**atau melalui**
**E-mel :** ***pelita.brunei@information.gov.bn***

Menangi
**BND75**
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

قليتا بروني PELITA BRUNEI

# 14 AHLI SETIA PERPUSTAKAAN DBP TERIMA HADIAH




**PEMANGKU Pengarah DBP, Hajah Haireni binti Haji Awang Damit hadir selaku tetamu kehormat menyempurnakan penyampaian hadiah.**

**TUTONG**, Isnin, 5 Disember. - Seramai 14 Ahli Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dari seluruh negara menerima hadiah Kerajinan dan Pengunjung Setia Perpustakaan pada majlis yang diselajurkan dengan Perkampungan Perpustakaan 2022.

Majlis Perkampungan Perpustakaan 2022 yang berlangsung di Perpustakaan DBP Tutong merupakan salah satu platform untuk mengeratkan silaturahim dan memberi peluang kepada ahli-ahli perpustakaan bersuai kenal dengan ahli perpustakaan cawangan lain termasuk kakitangan perpustakaan.

Hadiah-hadiah Kerajinan Perpustakaan dan Pengunjung Setia Perpustakaan tersebut ialah sebagai satu insentif untuk menghargai ahli-ahli yang sentiasa mengunjungi perpustakaan untuk mendapatkan sumber bacaan masing-masing.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan penyampaian hadiah tersebut ialah Pemangku Pengarah DBP, Hajah Haireni binti Haji Awang Damit.

Seramai 185 ahli-ahli perpustakaan, pegawai dan kakitangan perpustakaan dari seluruh negara berhimpun sambil mengadakan beberapa aktiviti sukan ria seperti Teambuilding Game, Chef Librarian, permainan tradisional, dan aktiviti lain mengikut kegiatan yang disediakan dari unit-unit di Bahagian Perpustakaan dan cawangan perpustakaan yang juga dibukakan

**Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman**




**BEBERAPA aktiviti sukan ria juga diadakan.**

untuk penyertaan orang ramai.

Melalui acara ini, pihak perpustakaan memberikan penghargaan sebagai galakan, dorongan dan hadiah kepada semua ahli dan pengguna secara berterusan selain dapat mewujudkan dan meningkatkan hubungan dua hala antara pengguna dengan kakitangan perpustakaan di keempat-empat daerah.

# Rakan U.M.A.T UNISSA sertai lawatan sambil belajar ke Sabah

**Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani**



**SERAMAI 20 orang Rakan U.M.A.T bersama dua pegawai kaunselor yang mengikuti lawatan sambil belajar dan khidmat masyarakat ke Sabah.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 5 Disember. - Seramai 20 orang Rakan Untuk Mu Amalan Terpuji (U.M.A.T) Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) bersama dua pegawai kaunselor pagi tadi bertolak ke Sabah bagi mengikuti lawatan sambil belajar dan khidmat masyarakat.

- **OUTREACH program yang pertama kali diadakan oleh Rakan U.M.A.T UNISSA sejak ditubuhkan pada 13 Jun 2022 dengan kerjasama Unit Perkhidmatan Kaunseling, Pejabat Hal Ehwal Pelajar UNISSA.**
- **BAGI mempelajari dan mendedahkan lagi para Rakan U.M.A.T tentang cara pengurusan dan mentadbir persatuan yang terlatih serta menambah jaringan bersama Rakan Siswa atau Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) di luar negara.**
- **PELUANG untuk mengadakan Khidmat Masyarakat sempena Hari Sukarelawan Antarabangsa dengan membersihkan dan menghias Unit Kaunseling Sekolah Kebangsaan Weston, Sabah dan seterusnya menjalankan aktiviti bersama 78 murid Tahun 4, 5 dan 6 sekolah tersebut.**
- **MENAMBAH rangkaian jaringan ukhwah rakan U.M.A.T UNISSA bersama dengan rakan siswa dan PRS di luar negara dan bagi rakan U.M.A.T sendiri agar mereka dapat mengambil manfaat yang positif untuk dijadikan sebagai landasan menjadi seorang pemimpin, seorang rakan U.M.A.T yang peka dan bersedia untuk membantu siswa dan mahasiswi UNISSA yang menghadapi cabaran dalam kehidupan mereka.**

Dua pegawai kaunselor selaku pegawai pengiring semasa lawatan tersebut ialah, Kaunselor Pelawat UNISSA, Awang Haji Ali Yusri bin Abdul Ghafor dan Pegawai Kaunselor UNISSA, Dayang Norsadiah binti Matarsad.

Hadir di UNISSA bagi mengucapkan selamat bertolak kepada rombongan ialah Dekan Pelajar, Dayang Nurhafizatulhikmah binti Haji Seribini.

Sementara itu, Dayang Norsadiah binti Matarsad ketika ditemu bual menjelaskan, ini merupakan *outreach* program yang pertama kali diadakan oleh Rakan U.M.A.T UNISSA sejak ditubuhkan pada 13 Jun 2022 dengan kerjasama Unit Perkhidmatan Kaunseling, Pejabat Hal Ehwal Pelajar UNISSA.

Menurutnya, tujuan program adalah bagi mempelajari dan mendedahkan lagi para Rakan U.M.A.T tentang cara pengurusan dan mentadbir persatuan yang terlatih serta menambah jaringan bersama Rakan Siswa atau Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) di luar negara.

Dayang Norsadiah menjelaskan, Unit Perkhidmatan Kaunseling, Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Rakan U.M.A.T UNISSA memilih untuk mengadakan perkongsian ilmu dan pengalaman bersama PRS Universiti Malaysia Sabah dan Rakan Siswa YADIM Universiti Teknologi Mara.

Selain daripada itu tambahnya, bagi memupuk sifat keprihatinan dan peka akan keadaan sekeliling, rombongan mengambil kesempatan dan peluang untuk mengadakan Khidmat Masyarakat sempena Hari Sukarelawan Antarabangsa dengan membersihkan dan menghias Unit Kaunseling Sekolah Kebangsaan Weston, Sabah dan seterusnya menjalankan aktiviti bersama 78 murid Tahun 4, 5 dan 6 sekolah tersebut.

Beliau melahirkan harapan agar dengan adanya program ini akan dapat lagi menambah rangkaian jaringan ukhwah Rakan U.M.A.T UNISSA bersama dengan rakan siswa dan PRS di luar negara dan bagi Rakan U.M.A.T sendiri agar mereka dapat mengambil manfaat yang positif untuk dijadikan sebagai landasan menjadi seorang pemimpin, seorang Rakan U.M.A.T yang peka dan bersedia untuk membantu siswa dan mahasiswi UNISSA yang menghadapi cabaran dalam kehidupan mereka.

Program selama lima hari tersebut juga diteruskan dengan pengagihan dan penyerahan wakaf Mushaf UNISSA ke Masjid Nurul Iman, Pekan Weston, Mahad Tahfiz Al-Quran Ibnu Al-Jazari, Mahad Tahfiz Al-Quran Negara Sabah dan Mahad Tahfiz Darul Hadis di mana secara keseluruhannya sebanyak 285 naskhah Mushaf UNISSA yang akan diwakafkan sepanjang program ini.

Di samping itu, Rakan U.M.A.T UNISSA juga telah mengadakan pelbagai aktiviti dalam kampus antaranya Hot Seat, Mental Health Survey, Your Smile is Our Smile dan Stop Stress.



**PEGAWAI Kaunselor UNISSA, Dayang Norsadiah binti Matarsad semasa ditemu bual.**

# WUJUDKAN KESEDARAN BERKAITAN ANTI PEMERDAGANGAN ORANG

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh

**KUALA BELAIT**, Isnin, 5 Disember. - Jabatan Buruh dengan kerjasama Unit Siasatan Pemerdagangan Manusia, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) dan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) mengadakan sesi Jerayawara bersama Agensi-agensi Penguatkuasaan Undang-undang pada 24 November 2022 yang lalu di Dewan Kemasyarakatan Kampung Pandan, Kuala Belait.

Jerayawara tersebut adalah salah satu daripada pelan tindakan Task Force Program Kesedaran Awam Mengenai Anti Pemerdagangan Orang yang bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada orang ramai khususnya pekerja-pekerja syarikat berhubung dengan hak dan tanggungjawab mereka sepertimana yang telah dinyatakan di dalam peruntukan dan undang-undang Negara Brunei Darussalam (NBD).

Jerayawara tersebut dimulai dengan pembarigaan mengenai hak dan tanggungjawab pekerja-pekerja tempatan dan asing di dalam sektor swasta oleh Jabatan Buruh.

Jerayawara tersebut diteruskan lagi dengan pembarigaan mengenai kesalahan-kesalahan di bawah akta Imigresen, Penggal 17 oleh JIPK; pembarigaan mengenai pemerdagangan manusia oleh Unit Siasatan Pemerdagangan Manusia, PPDB dan pembarigaan mengenai kesalahan-kesalahan di bawah Perintah Eksais, 2006 oleh JKED.

Dalam pada itu, jenayah pemerdagangan orang adalah salah satu kesalahan serius di NBD dan Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada setiap majikan supaya akan sentiasa memantau hal ehwal kebajikan dan keberadaan pekerja mereka menurut kehendak Perintah Pekerjaan, 2009, Akta Anti Pemerdagangan Orang, Penggal 230 serta mana-mana perundangan serta peraturan-peraturan pihak Kerajaan yang berkuat-kuasa pada masa ini bagi mengelakkan sebarang tindakan undang-undang diambil ke atas mereka atau pekerja masing-masing.

Untuk makluman lebih lanjut bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh melalui talian 2381848 (semasa waktu bekerja) atau 7298989 (di luar waktu bekerja).





JABATAN Buruh dengan kerjasama Unit Siasatan Pemerdagangan Manusia, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) dan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) semasa mengadakan sesi Jerayawara bersama Agensi-agensi Penguatkuasaan Undang-undang (atas dan atas kanan).




# Bersama sokong visi toleransi sifar tangani isu dadah



SEKITAR Mesyuarat ASEAN Senior Officials on Drug Matters (ASOD) Ke-43 diadakan pada 31 Oktober hingga 3 November 2022.

Siaran Akhbar dan Foto : Biro Kawalan Narkotik

**KUALA LUMPUR, MALAYSIA**, Isnin, 5 Disember. - Mesyuarat ASEAN Senior Officials on Drug Matters (ASOD) Ke-43 diadakan pada 31 Oktober hingga 3 November 2022.

Mesyuarat tersebut dihadiri oleh Pengarah Biro Kawalan Narkotik (BKN), Dato Paduka Mohd. Zalani bin Haji Ismail selaku ketua delegasi dan beberapa orang Pegawai Kanan BKN.

Mesyuarat tersebut membincangkan serta bertukar maklumat dalam sama-sama memerangi penyalahgunaan dan pengedaran dadah.

Semasa majlis pembukaan, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Malaysia, Yang Berbahagia Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz selaku tetamu kehormat menyentuh mengenai situasi dadah yang semakin kompleks dengan peningkatan jenayah rentas sempadan dan kewujudan kumpulan jenayah terancang.

Dalam pada itu, beliau menekankan agar Pemimpin-pemimpin ASOD untuk terus menyokong visi toleransi sifar, dalam menangani isu dadah di rantau ini dan komited dalam melaksanakan pelan kerja 'The ASEAN Work Plan on Securing Communities against Illicit Drug 2016 - 2025'.

Mesyuarat tersebut turut menyaksikan pelancaran naskhah Laporan terbitan ASEAN Narcotics Cooperation Center (ASEAN-NARCO), bertajuk 'ASEAN Drug Monitoring Report 2021'.

Laporan tersebut membentangkan situasi dadah ASEAN secara menyeluruh bagi tahun 2021 dan inisiatif yang dilaksanakan berdasarkan pada strategi pengurangan pembekalan serta permintaan dadah oleh Negara-negara Ahli ASEAN.

Di samping Mesyuarat ASOD Kali Ke-43, mesyuarat bersama rakan-rakan dialog melalui 7th ASOD+China Consultation, 7th ASOD+Japan Consultation, 15th ASOD+3 Consultation dan 4th ASOD+Russia Consultation juga diadakan.

**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

Jawatan Kosong Sebagai

Ketua Kampung Tingkat I
PMKK.3
(BND2,270.00 - BND4,240.00)

atau

Ketua Kampung Tingkat II
PMKK.2
(BND1,990.00 - BND2,970.00)

atau

Ketua Kampung Tingkat III
PMKK.1
(BND1,280.00 - BND2,270.00)

bagi

Daerah Belait

1. Ketua Kampung Mumong A
2. Ketua Kampung Mumong B
3. Ketua Kampung Mumong C
4. Ketua Kampung Sungai Teraban
5. Ketua Kampung Pekan Kuala Belait A
6. Ketua Kampung Pekan Kuala Belait B
7. Ketua Kampung Pandan A
8. Ketua Kampung Pandan B
9. Ketua Kampung Pandan C
10. Ketua Kampung Pandan D
11. Ketua Kampung Pandan E
12. Ketua Kampung Pandan F
13. Ketua Kampung Lumut I
14. Ketua Kampung Lumut II
15. Ketua Kampung Lumut III
16. Ketua Kampung RPN Lumut Kawasan I
17. Ketua Kampung RPN Lumut Kawasan 2
18. Ketua Kampung RPN Lumut Kawasan 3
19. Ketua Kampung Pekan Seria Kawasan 1
20. Ketua Kampung Pekan Seria Kawasan 2
21. Ketua Kampung Perumahan Negara Panaga A
22. Ketua Kampung Perumahan Negara Panaga B
23. Ketua Kampung Perumahan Negara Panaga C
24. Ketua Kampung Kampung Panaga (Asal)
25. Ketua Kampung Sungai Bera
26. Ketua Kampung Merangking
27. Ketua kampung Labi I

Tatacara Menghadapkan Borang Pencalonan :

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati dan dikembalikan ke alamat seperti berikut :

Unit Pentadbiran,
Bahagian Institusi Mukim dan Kampung
Jabatan Daerah Belait
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup mengembalikan borang pencalonan adalah pada Rabu, 3 Rejab 1444 bersamaan 25 Januari 2023, jam 4.00 Petang.

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui talian +673 3334335 / 336 sambungan 1115 / 1127 / 1185.

**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

Jawatan Kosong Sebagai

Penghulu Mukim Tingkat III - PMKK.4
(BND3,880.00 - BND4,240.00)

Bagi

Daerah Belait

1. Mukim Labi

Tatacara Menghadapkan Borang Pencalonan :

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati dan dikembalikan ke alamat seperti berikut :

Unit Pentadbiran,
Bahagian Institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung
Jabatan Daerah Belait
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup mengembalikan borang pencalonan adalah pada Rabu, 3 Rejab 1444 bersamaan 25 Januari 2023, jam 4.00 Petang.

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui talian +673 3334335 / 336 sambungan 1115 / 1127 / 1185.

**PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA**

Bilangan Tawaran :
HMSF / TDR / 07 / 2022

Tajuk Projek :
(Retender) Supply, Delivery, Install, Configure, Testing and Commissioning of IP Based CCTV System Surveillance Network With Operation and Maintenance Program For His Majesty the Sultan's Flight.

Tarikh Tutup Tawaran :
Tidak lewat Selasa,
31 Januari 2023,
Jam 2.00 Petang

**PEJABAT PEGUAM NEGARA JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran :
PPN / IT / BUU / QTN / 2022 / 11 / 5

Tajuk Tawaran :
'Quotation For Supply, Delivery and Installation Of IT Equipment For Meeting Room In Attorney General's Chambers'

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 20 Disember 2022,
Jam 2.00 Petang

**KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI**

Bilangan Tawaran :
MFA / ICT / 2022 / T5

Tajuk Tawaran :
'The Development of MFA Mobile Apps, E-Register and Its Back-End Management Module For Ministry of Foreign Affairs, Brunei Darussalam'.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 20 Disember 2022,
Jam 2.00 Petang

**PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA**

Notis Tawaran Bilangan :
HMSF / TDR / 06 / 2022

Tajuk Projek :
For Service Level Maintenance Contract and Related Works (Package B) For His Majesty the Sultan's Flight Hangar 1 & Hangar 2 Mechanical & Electrical System

Tarikh Tutup Tawaran :
Tidak lewat Selasa,
17 Januari 2023,
Jam 2.00 Petang

**JABATAN BANDARAN TUTONG KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

Pemberitahuan Tawaran

Bilangan Tawaran :
JBT / S / 15 / 2022 - 2023

Tajuk Tawaran :
Kerja-Kerja Membuat Zebra Crossing; Membekal dan Memasang Steel Drain Safety Grating; dan Membaiki Tempat Letak Kereta dan Jalan Yang Rosak Di Kawasan Kompleks Pasarneka dan Tamu Tutong, Tempat Perhentian Bas Pekan Tutong dan Barik Pegawai dan Kakitangan Jabatan Bandaran Tutong

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 13 Disember 2022,
Jam 2.00 Petang

**JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM

Kelas :
IV & V

Kategori :
B01 - KOD BAHARU

Bilangan Tawaran :
JKR / DTS / 26 / CQS / 2022-T / IV

Nama Projek :
TAMBAHAN BANGUNAN MASJID KAMPUNG KUPANG, DAERAH TUTONG

Yuran Tawaran :
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada :
Selasa, 3 Januari 2023,

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
17 Januari 2023,
Jam 2.00 Petang

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM JABATAN PERDANA MENTIRI**

MAKLUMAN IKLAN LANJUTAN

Bilangan Tawaran :
JDB / BKPD / SH / 21 / 2022

Tajuk Tawaran :
Sebut Harga Bagi Memeriksa, Membekal Alat Ganti dan Membaik Pulih Enjin & Transmisi Kenderaan Bas Mitsubishi Rosa Deluxe (BG335)

Yuran Tawaran :BND5.00

Kelas : I, II & III

Tarikh Tutup Dilanjutkan Sehingga:
13 Disember 2022, (Selasa)

**UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI**

UNISSA / LTK / PPMAKMAL / SNT / 2022-2023 :
Tawaran Membekal dan Menghantar Peralatan dan Perkakas Makmal Bagi Pusat Makmal Saintifik Ibnu Sina Kampus Sinaut Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

Tarikh Tutup :
Selasa, 20 Disember 2022,
Jam 2.00 Petang

## KEMENTERIAN KESIHATAN

**Bilangan Tawaran :**
PHARM / 314 / 2022

**Keterangan :**
The Supply and Delivery Of Medicines For the Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

**Yuran Tawaran :**
BND10.00

**Bilangan Tawaran :**
PHARM / 315 / 2022

**KETERANGAN :**
The Supply and Delivery Of Medicines For the Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

**Yuran Tawaran :**
BND10.00

**Bilangan Tawaran :**
PHARM / 316 / 2022

**KETERANGAN :**
The Supply and Delivery Of Medicines For the Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

**Yuran Tawaran :**
BND10.00

**Bilangan Tawaran :**
KK / 317 / 2022 / HTD(TC)

**Keterangan :**
The Provision Of Maintenance Services for Alcon Equipment For Three (3) Years

**Yuran Tawaran :**
BND10.00

**Bilangan Tawaran :**
KK / 318 / 2022 / JPK(TC)

**Keterangan :**
Clinical / Biohazard Waste Collection and Disposal Services For PAPHMWHB Gadong Health Centre and Pengkalan Batu Health Centre to Incinerated Site For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran :**
BND10.00

**BILANGAN TAWARAN :**
KK / 319 / 2022 / ESTETRIPASH(TC)

**KETERANGAN :**
Provision Of Maintenance Services For Pump and Accessories Including Pump Control Panel At Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital For A Period Of Five (5) Years

**Kelayakan Pemborong / Pembekal :**
Berdaftar dengan Kementerian Pembangunan atau Kementerian Kesihatan

**Kelas :**
II ke atas

**Kategori :**
M03

**Yuran Tawaran :**
BND100.00

**Bilangan Tawaran :**
KK / 320 / 2022 / LAB(TC)

**KETERANGAN :**
To Supply and Deliver Nucleic Acid Extraction Kits and Multiplex Pcr Kits For Sars-Cov-2 Test With Equipment Rental For National Virology Reference Laboratory, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years Usage

**Yuran Tawaran :**
BND1,000.00

**Bilangan Tawaran :**
KK / 321 / 2022 / DSS(TC)

**Keterangan :**
To Supply and Deliver Applied Biosystems™ Human Identification Kits, Reagents and Consumables For Forensic Biology/DNA Section, Department Of Scientific Services, Ministry Of Health For A Period Of 3 Years

**Yuran Tawaran :**
BND500.00

**Tarikh Tutup :**
Selasa,
20 Disember 2022,
Tidak lewat jam 2.00 Petang

## JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam

**Kelas :**
III & IV

**Kategori :**
B01, KPB02 & KPB11 (A)

**Bilangan Tawaran :**
JKR / DBSBM018 / 2022

**Nama Projek :**
Kerja-Kerja Pembaikan Pada Masjid Kampung Batu Marang, Negara Brunei Darussalam

**Bilangan Projek :**
2022DBSBM / JUB.04

**Yuran Tawaran :**
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada :**
Selasa, 20 Disember 2022

**Tarikh Tutup :**
Selasa,
3 Januari 2023,
Jam 2.00 Petang

## KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**Bilangan Tawaran :**
Q.JDT / 45 / 2022

**Tajuk Tawaran :**
Sebut Harga Bagi Pembekalan Vending Machine Selama 36 Bulan

**Yuran Tawaran :**
BND5.00

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Isnin, 12 Disember 2022,
Jam 2.00 Petang

## JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK KEMENTERIAN TENAGA

**Bilangan Tawaran :**
JPE / LTK / PSP / 006 / 2022

**Tajuk Tawaran :**
Penyediaan Bekalan Elektrik bagi LOT 5709, Tapak Marine Biodiversity Centre, Kg Meragang, Mukim Serasa

**Yuran Tawaran :**
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

**Tempat Tutup :**
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan
Jabatan Perdana Menteri,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913
Negara Brunei Darussalam

**Kelayakan :**
Pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan bagi -

**Kategori :** E03

**Kelas :** III atau IV sahaja

**Tarikh Tutup :**
Selasa, 20 Disember 2022,
Jam 2.00 Petang

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari Bahagian Kaunter Unit Pendaftaran, Tingkat 4, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Negara Brunei Darussalam.

## PEJABAT PEGUAM NEGARA JABATAN PERDANA MENTERI

**Bilangan Tawaran :**
PPN / IT / BUU / QTN / 2022 / 11 / 4

**Tajuk Tawaran :**
'Quotation For Supply, Delivery and Installation Of Printers For Attorney General's Chambers'

**Tarikh Tutup :**
Selasa, 20 Disember 2022,
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang

## KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Sebut Harga Membekal, Menghantar dan Memasang

**Bilangan Sebut Harga :**
DA / JKSH / 226 / 2022 / 2023
[DA-DIS-2022]

**Keterangan :**
Sebut Harga Membekal, Menghantar dan Memasang Set Television, HDMI Splitter dan HDMI Cable Bagi Pusat Perkhidmatan Setempat dan Persidangan 2 Di Ibu Pejabat Bangunan Lama, Kementerian Pendidikan.

**Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :**
BND5.00 [Tidak dikembalikan]

**Tarikh Tutup Dan Waktu :**
17 Disember 2022
[Tidak lewat jam 9.00 Pagi]


# PERATURAN PENGIKLANAN

## (SEKTOR AWAM / KERAJAAN)

DI PELITA BRUNEI

- IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.
- Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA.**
- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :
**iklan.pb@information.gov.bn**

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :
**+673 2383400**
**sambungan Meja Iklan**

**SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.**

**RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.**

**IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.**

**MAHKAMAH TINGGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Pertama**

**BCY / CP / 307 / 2010**

**Nama Penghutang** - Fatimah Binti Sukirman/Sukiran (BYIC No. 00-074671) - **Alamat** - No. 32, Simpang 24, Jalan Keruak, RPN Kampung Panaga, Seria KB4533, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 307 Tahun 2010. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 37.44%. **Pertama atau terakhir selainnya** - Pertama **Bila Kena Dibayar** - 24 November 2022. **Di Mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Kedua**

**BCY / CP / 356 / 2018**

**Nama Penghutang** - Sudiman Bin Hassan (BYIC No.: 00-274915). **Alamat** - No. 29, Simpang 31, Jalan Sungai Cerana, RPN Kg. Panchor Mengkubau, Mukim Mentiri, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 356 Tahun 2018. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 15.47%. **Pertama atau terakhir selainnya** - Kedua **Bila Kena Dibayar** - 24 November 2022. **Di Mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Kedua**

**BCY / CP / 98 / 2018**

**Nama Penghutang** - Evi Hidayatul Ezwana Haji Ramlee (BYIC No. 290796) - **Alamat** - No. 9A, Spg. 637-84-164, STKRJ Lambak Kiri, Berakas BB1114, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 98 Tahun 2018. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 73.81%. **Pertama atau terakhir selainnya** - Pertama **Bila Kena Dibayar** - 24 November 2022. **Di Mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
23 November 2022

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Kedua**

**BCY / CP / 164 / 2018**

**Nama Penghutang** - Hj Rosliman Bin Haji Usop (BYIC No. 00-255058). **Alamat** - No. 9, Spg. 38, Jalan Bukit Pandayan, Perumahan Kg. Panchor / Mengkubau, Mentiri, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 164 Tahun 2018. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 10.73%. **Pertama atau terakhir selainnya** - Kedua **Bila Kena Dibayar** - **22 November 2022. Di Mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
26 November 2022

**Nurul Hidayah Binti Hamdan**
Timbalan Penerima Rasmi,
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar
Negara Brunei Darussalam

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Pertama**

**BCY / CP / 381 / 2010**

**Nama Penghutang** - Ahmad Shahnawararriah Bin Haji Shahbudin (BYIC No. 00-113782) - **Alamat** - No. 16, Simpang 1179 Kg. Sungai Kelugos, Jalan Tutong, TB2741, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 381 Tahun 2010. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 85%. **Pertama atau terakhir selainnya** - Pertama **Bila Kena Dibayar** - 10 November 2022. **Di Mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Ketiga**

**BCY / CP / 281 / 2012**

**Nama Penghutang** - Kamaludin Bin Ghafar (BYIC No. 00-060249) - **Alamat** - No. 13, Simpang 623, Kg. Lambak Kiri, Jalan Berakas, BB1114, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 281 Tahun 2012. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 21%. **Pertama atau terakhir selainnya** - Ketiga **Bila Kena Dibayar** - 10 November 2022. **Di Mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Terakhir**

**KES NO. BCY / CP / 367 / 2010**

**Nama Penghutang** - Hamdillah Bin Hj Othman (BYIC No. 00-287175) - **Alamat** - Spg. 207, Block F2C, Flat Polis Kawalan Diraja, Jalan Babu Raja, Kg. Beribi,Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 367 Tahun 2010. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 98.37%. **Pertama atau terakhir selainnya** - Terakhir **Bila Kena Dibayar** - 10 November 2022. **Di Mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
15 November 2022

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Terakhir**

**BCY / CP / 259 / 2009**

**Nama Penghutang** - Janidi Bin Haji Yahya (BYIC No. 00-062774) - **Alamat** - No. 6, Simpang 1821-31, Kg. Junjongan BH2123, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 259 Tahun 2009. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 100%. **Pertama atau terakhir selainnya** - Terakhir **Bila Kena Dibayar** - 22 November 2022. **Di Mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
22 November 2022

**Dk Siti Nursu'aidah Binti Pg Jufrizar @ Pg Tajuddin**
Timbalan Penerima Rasmi,
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar
Negara Brunei Darussalam

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Pertama**

**BCY / CP / 38 / 2006**

**Nama Penghutang** - Zulkifli Bin Abdullah (BYIC No. 00-069408) - **Alamat** - No. 1, Simpang 127-41-21, STKRJ Kg. Rimba, Gadong BE3119, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 38 Tahun 2006. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 33.13%. **Pertama atau terakhir selainnya** - Pertama **Bila Kena Dibayar** - 28 November 2022. **Di Mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Pertama**

**BCY / CP / 434 / 2017**

**Nama Penghutang** - Yussof Bin Haji Hassan (BYIC No. 00-116801) - **Alamat** - No. 15, Simpang 135-23-7, Rumah Kembar STKRJ Rimba, Gadong BE3119, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 434 Tahun 2017. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 66%. **Pertama atau terakhir selainnya** - Pertama **Bila Kena Dibayar** - 28 November 2022. **Di Mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Kedua**

**BCY / CP / 96 / 2016**

**Nama Penghutang** - Abu Samah Bin Ahmad (BYIC No. 00-117437) - **Alamat** - No. 1, Jalan 60, Spg. 150-6, RPN Kg. Rimba Gadong, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 96 Tahun 2016. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 81.21%. **Pertama atau terakhir selainnya**. Kedua **Bila Kena Dibayar** - 28 November 2022. Di Mana Kena Bayar - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Terakhir**

**BCY / CP / 112 / 2003**

**Nama Penghutang** - Rosanah Binti Hamdan (BYIC No. 00-116189) - **Alamat** - H.M Sultan Flight's Hanger 1, Heliport Istana Darul Hana, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 112 Tahun 2003. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 100%. **Pertama atau terakhir selainnya** - Terakhir **Bila Kena Dibayar** - 28 November 2022. **Di Mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Terakhir**

**BCY / CP / 713 / 2010**

**Nama Penghutang** - Awang Azi Bin Hj Untong (BYIC No. 00-077921) - **Alamat** - No. 100, Simpang 165, Jalan 99, RPN Kg. Rimba BE 3119, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 713 Tahun 2010. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 100%. **Pertama atau terakhir selainnya** - Terakhir **Bila Kena Dibayar** - 28 November 2022. **Di Mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
**26 November 2022**

**Hajah Normazdina Binti Hj Md Maskub**
Timbalan Penerima Rasmi,
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar
Negara Brunei Darussalam

---

**MAHKAMAH TINGGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**BCY / CP / 35 / 2003**

**Baiduri Finance Berhad (Previously filed by HSBC Finance (B) Bhd)**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Sharimeey Bin Johari**
**(BYIC No. 00-257242)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**NOTIS PEMBATALAN**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **5 Jun 2003** telah **dibatalkan pada 19 November 2022.**

**Nama Penghutang :**
**Sharimeey Bin Johari**

**Alamat Penghutang :**
**No. 76,**
**Simpang 326-36-6,**
**Kg. Perpindahan Serasa,**
**Negara Brunei Darussalam.**

**BCY / CP / 732 / 2009**

**Baiduri Finance Berhad (Previously filed by HSBC Finance (B) Bhd)**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Rommeyzan @ Bobby Bin Haji Mohamad**
**(BYIC No. 00-292454)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**NOTIS PEMBATALAN**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada telah **dibatalkan pada 19 September 2022.**

**Nama Penghutang :**
**Rommeyzan @ Bobby Bin Haji Mohamad**

**Alamat Penghutang :**
**No. 167, Jalan 77,**
**Kampung Perpindahan Lambak Kanan, BC2515**
**Negara Brunei Darussalam.**

**BCY / CP / 531 / 2009**

**Baiduri Finance Berhad (Previously filed by HSBC Finance (B) Bhd)**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Asrin Bin Haji Jaludin**
**(BYIC No. 00-270956)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**NOTIS PEMBATALAN**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **27 Mac 2010 telah dibatalkan pada 19 November 2022.**

**Nama Penghutang :**
**Asrin Bin Haji Jaludin**

**Alamat Penghutang :**
**No. 32, Spg. 43-3-56, STKRJ Perumahan Lugu, Jln Lasuk, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**
**22 November 2022**

**BCY / CP / 347 / 2012**

**Baiduri Finance Berhad**
**(Previously filed by HSBC Finance)**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Noratini Binti Damit**
**(BYIC No. 00-268962)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**NOTIS PEMBATALAN**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **27 April 2013** telah **dibatalkan pada 19 November 2022.**

**Nama Penghutang :**
**Noratini Binti Damit**

**Alamat Penghutang :**
**No. 4, Spg. 10-44-3,**
**RPN Kg. Pandan,**
**Kuala Belait,**
**Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**
22 November 2022

**MUHD MUZAKKIR BIN HAJI ZAKARIA**
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

---

**JABATAN PENERANGAN JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan Sebut Harga :**
**(120) INFO / PK / K / 7 (2022-2023)**

**Tajuk Sebut Harga :**
**To Supply, Deliver, Installation, Configuration, Maintenance And Upgrade Of Infodeptbn Mobile Application**

**Yuran :**
**Tidak dikenakan bayaran**

**Tarikh Tutup :**
**Rabu, 14 Disember 2022**
**Jam 2.00 Petang**

# AGUNGKAN AL-QURAN DENGAN TADABBUR



**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

**AHLI Majlis Ugama Islam selaku Penasihat Pertubuhan WARGAMAS, Dato Seri Setia Awang Haji Metussin bin Haji Baki semasa hadir pada majlis tersebut.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 5 Disember. - Majlis Kesyukuran Khatam Al-Quran 76 kali Khatam, yang dianjurkan oleh Pertubuhan WARGAMAS adalah sebagai tanda bersyukur atas selamat sempurna berlangsungnya Majlis Khatam Al-Quran 76 Kali, pada 30 Oktober lalu.

Rancangan Khatam Al-Quran yang diadakan setiap tahun sejak 2019 tersebut adalah sebagai Pesambah Istimewa Pertubuhan WARGAMAS dan warga emas seluruh negara ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena dengan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan baginda.

Perkara tersebut, antara yang dijelaskan oleh Yang Di-Pertua Pertubuhan WARGAMAS, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Mohd. Don pada Majlis Kesyukuran Khatam Al-Quran 76 Kali Khatam, yang berlangsung di Ibu Pejabat Pertubuhan WARGAMAS, di sini.

Menurutnya lagi, antara usaha untuk membawa serta mengajak Ahli-ahli Pertubuhan WARGAMAS dan peserta-peserta Rancangan Khatam Al-Quran mendekati serta mencintai Al-Quran ialah dengan memasukkan Program Tadabbur dan Tasmik sebagai salah satu agenda dalam 'Program Kolaborasi Keugamaan' dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Dalam hal ehwal mengagungkan Al-Quran, tambahnya, adalah tidak cukup sekadar membaca Al-Quran sahaja, lakukanlah Tadabbur terhadap ayat-ayat Al-Quran kerana setiap ayat-ayat yang dibaca itu perlu difahami maknanya dengan betul dan mengaitkan pengajaran pada ayat-ayat tersebut dengan kehidupan seharian.

Hadir pada majlis tersebut, Ahli Majlis Ugama Islam selaku Penasihat Pertubuhan WARGAMAS, Dato Seri Setia Awang Haji Metussin bin Haji Baki.

Terdahulu itu, majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan bacaan Surah Al-Fatihah, diteruskan dengan Tadabbur Al-Quran, disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, KHEU, Awang Isham bin Ismail.




Beliau, antara lain mengongsikan mengenai kehidupan di syurga adalah lebih baik daripada kesenangan hidup di dunia dan ganjaran bagi orang yang bertakwa itu ialah syurga serta keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Antara sifat orang yang bertakwa itu, katanya, adalah mereka yang bersungguh-sungguh berdoa agar diteguhkan iman, diberi keampunan dan dilindungi daripada azab neraka, sabar melaksanakan perintah Allah Subhanahu Wata'ala dan menjauhi larangan-Nya, terbukti kebenaran iman melalui akhlak terpuji, sentiasa taat beribadah, berinfaq pada jalan Allah, serta sentiasa beristighfar.

Majlis turut diserikan dengan Persembahan Tausyeh daripada Pentasmik dan Ketua Halaqah Majlis Kesyukuran Khatam Al-Quran 76 Daerah Belait.




**YANG Dipertua Pertubuhan WARGAMAS, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Mohd. Don dalam ucapan alu-aluannya.**

# Ejen pelancongan UK terokai tempat menarik di NBD

**Siaran akhbar dan Foto : Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan**





**PARA peserta lawatan suai kenal dari UK semasa mendengarkan pembentangan dan taklimat produk pelancongan dari Jabatan Kemajuan Pelancongan (atas kiri), manakala gambar atas, para peserta turut berpeluang menyertai pelbagai aktiviti sepanjang lawatan tersebut.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 5 Disember. - Jabatan Kemajuan Pelancongan di bawah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) mengambil inisiatif dan meningkatkan semula permintaan bagi pelancongan antarabangsa, dengan membawa rakan kongsi pelancongan dari pasaran United Kingdom (UK) dalam lawatan suai kenal (FAM Trip), bertujuan untuk mempromosikan Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi pelancongan pilihan.

Para peserta lawatan menghadiri acara rangkaian pelancongan, yang berlangsung di Hotel Radisson, baru-baru ini, yang diisikan dengan pembentangan dan taklimat produk pelancongan, disampaikan oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan.

Seramai sembilan orang, terdiri daripada wakil ejen-ejen pelancongan dan syarikat penerbangan dari UK tiba di negara ini pada 1 Disember lalu dan berada di negara ini selama empat hari.

Penerbangan Diraja Brunei menerbangkan peserta FAM Trip ini, yang juga dihoskan bersama Hotel Radisson, The Empire Brunei dan Holiday Management Services Sdn. Bhd.

Sepanjang berada di negara ini, para peserta menikmati pengalaman dalam aktiviti-aktiviti kebudayaan, warisan dan ekopelancongan.

Dalam lawatan selama empat hari itu, para peserta dibawa melawat ke Daerah Tutong dan Daerah Temburong untuk menerokai program yang berasaskan komuniti serta pengalaman di hutan.

Para peserta turut berpeluang melawat tempat-tempat yang terkenal di Bandar Seri Begawan, seperti Muzium Alat Kebesaran Diraja, Kampong Ayer dan merentasi jambatan paling panjang di Asia Tenggara, iaitu Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien.

Turut tidak ketinggalan menjadi lokasi lawatan para peserta, Brunei Energy Hub dan menyelusuri Sungai Brunei bagi melihat hidupan-hidupan liar, seperti Proboscis Monkeys dan buaya.

Jabatan Kemajuan Pelancongan berharap pengalaman-pengalaman tersebut akan mendorong ejen-ejen pelancongan UK untuk menikmati produk-produk pelancongan dengan lebih dekat dan secara aktif menjual pakej-pakej lawatan ke Negara Brunei Darussalam, terutama sekali mempromosikan tempat-tempat menarik yang terbaharu.

# DARI MAHKAMAH

## 5 BULAN PENJARA, 3 SEBATAN KERANA TINGGAL LEBIH MASA

Oleh: Rohani Haji Abdul Hamid

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 5 Disember. - Seorang lelaki, warganegara Indonesia dijatuhkan hukuman lima bulan penjara dan tiga kali sebatan, di bawah Seksyen 15 (1) Akta Imigresen, Penggal 17 kerana tinggal lebih masa di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Budi Armaya, berumur 45 tahun, didakwa atas satu pertuduhan kerana tinggal lebih masa di NBD tanpa alasan yang munasabah setelah Pas Imigresen mansuh selama tempoh 544 hari.

Majistret Kanan, Hajah Ervy Sufitriana binti Haji Abd. Rahman menjatuhkan hukuman itu ke atas Budi Armaya, berkuat kuasa mulai 1 Disember 2022, di Mahkamah Majistret, di sini.

Defendan ditangkap pada 29 November 2022 semasa Ops Tumpas Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) 86/2022, di Kawasan Kompleks Anggerek Desa, Kampung Delima.

Siasatan awal juga mendapati bahawa defendan adalah pekerja yang dilaporkan lari daripada majikan dalam senarai sistem imigresen.

Defendan kemudian ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasaan, JIPK untuk siasatan lanjut.

Dalam siasatan juga mendapati, defendan kali terakhir memasuki ke negara ini, pada 12 Januari 2019 dan diberikan pas pekerja di bawah tajaan Yaz's Wyn sebagai operator mesin (*machine operator*).

Bukan itu sahaja, siasatan tersebut juga mendedahkan, di mana pas pekerja defendan kali terakhir diganjakkan oleh majikannya pada 4 Mac 2021 dan tempohnya berakhir pada 4 Jun 2021.

Walau bagaimanapun, ia telah dibatalkan oleh majikannya pada 19 April 2021, di mana defendan hendaklah keluar meninggalkan NBD tidak lewat dari 24 April 2021 ke Jakarta.

Namun, majikannya membuat laporan kepada pihak polis kerana mendapati defendan gagal hadir dalam penerbangannya, yang dijadualkan pada 24 April 2021 dan kemudian melaporkannya kepada pihak JIPK, pada 12 Mei 2021.

Dalam rekod, ini merupakan kesalahan pertama defendan di bawah Akta Imigresen sepertimana dalam pendakwaan yang dijalankan oleh pihak Pendakwa Raya di JIPK, Mohd. Zul Azri bin Haji Ranee.




# Kenali Bahasa Brunei

**Idar** bermaksud giliran atau waktu untuk mengerjakan (menjalankan) sesuatu menurut susunan yang teratur.
Contoh pemakaian kata : inda kubalaku ke sana, ***idarku*** bakaraja malam.

**Bajaham-jaham** bermaksud berjam-jam atau beberapa jam berturut-turut.
Contoh pemakaian kata : ***berjaham-jaham*** kumanunggu dari antadi, alum jua bisdia datang; ***Bajaham-jaham*** ia manunggu, alum jua datang kawannya kan mambawa kadia bajalan ah.

**Manjalar** bermaksud
1 merebahkan diri kerana merajuk atau tidak mendapat sesuatu yang dihajati.
Contoh pemakaian kata : ***manjalar*** taus anaknya di sana, pasal inda kana balikan iskrim.
2 tumbuh melata tentang tumbuh-tumbuhan seperti timun atau akar.
Contoh pemakaian kata : makin ***manjalar*** akar ani, baiktah dipapat, bisai jua usulnya.

**SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

# Selera Kampung Kitani

## Kampung Danau



Foto : Azmah Haji Ahad

## Seri Kaya Labu Kuning

**BAHAN-BAHANNYA :**
1 biji labu kuning berat 2kg
Pati santan dari 2 biji kelapa
5 biji telur ayam
1 sendok nasi gula pasir
Sedikit pewarna hijau
1/4 cawan air daun pandan

**CARA MEMBUATNYA :**
Kukus labu kuning tadi sampai masak (ikut cita rasa cara memotongnya).

Putar telur sampai kembang, tuangkan santan pekat, gula dan pewarna serta air daun pandan, gaul sampai hancur gulanya.

Tuang ke dalam periuk masak dengan api perlahan.

Apabila masak, biarkan sejuk dulu, baru dihidang bersama-sama labu dikukus tadi.

# TAKLIMAT PERSIAPAN PEMBUKAAN SEMULA GALERI BKISHHB

Siaran Akhbar dan Foto : Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 6 Disember. - Seramai 24 wakil daripada 15 Agensi Pelancongan yang berdaftar dengan Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) menghadiri sesi taklimat bagi persediaan pembukaan semula Galeri-galeri Pameran Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB) yang berlangsung di Dewan Auditorium BKISHHB.

Taklimat telah disampaikan oleh Pemangku Pengarah BKISHHB, Dr. Haji Awang Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Awang Ahmad dan turut diisikan dengan sesi dialog bersama wakil-wakil agensi pelancongan yang hadir.

Sesi taklimat ini diadakan sebagai salah satu usaha pembarigaan dan penyelarasan maklumat-maklumat penting bagi persiapan pembukaan semula Galeri-galeri Pameran BKISHHB bermula Isnin, 18 Jamadilawal 1444 Hijrah bersamaan dengan 12 Disember 2022 Masihi nanti.

Turut hadir, pegawai-pegawai dari Jabatan Kemajuan Pelancongan, KSSUP dan BKISHHB.

Rombongan telah diberi peluang untuk menyaksikan sendiri galeri-galeri pameran serta fasiliti-fasiliti yang akan dibukakan untuk kunjungan orang ramai nanti.



**TAKLIMAT disampaikan oleh Pemangku Pengarah BKISHHB, Dr. Haji Awang Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Awang Ahmad (kanan), manakala gambar bawah, antara yang hadir semasa sesi taklimat tersebut.**






## Pembaikan jalan rosak di Lebuhraya Sultan Hassanal Bolkiah (hala Gadong) masih dijalankan




**LOKASI penutupan tersebut adalah selepas jejambat Lapangan Terbang Antarabangsa hingga Jejambat Kompleks Bangunan Kerajaan / Jalan Menteri Besar.**

**Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman**
**Infografik : Jabatan Kerja Raya**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 5 Disember. - Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai lanjutan penutupan sementara separuh jalan di Lebuhraya Sultan Hassanal Bolkiah (hala Gadong).

Lokasi penutupan tersebut adalah selepas jejambat Lapangan Terbang Antarabangsa hingga Jejambat Kompleks Bangunan Kerajaan / Jalan Menteri Besar.

Kerja-kerja pembaikan sebahagian jalan raya rosak di lokasi berkenaan masih giat dijalankan dan akan dilanjutkan hingga Rabu, 7 Disember 2022, bermula jam 10.30 malam hingga 6.00 pagi (tertakluk kepada cuaca).

Sehubungan itu, para pengguna jalan raya dinasihatkan untuk sentiasa berhati-hati apabila melalui kawasan berkenaan dan mematuhi tanda-tanda lalu lintas dan had laju yang dibenarkan.

## Penutupan sementara separuh jalan Pusing Keliling Muara - Lebuhraya Muara - Tutong dilanjutkan



**PENUTUPAN sementara separuh jalan, di Pusing Keliling Muara - Lebuhraya Muara - Tutong.**

**Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman**
**Infografik : Jabatan Kerja Raya**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 5 Disember. - Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai lanjutan penutupan sementara separuh jalan, di Pusing Keliling Muara - Lebuhraya Muara - Tutong.

Kerja-kerja pembaikan jalan raya rosak di lokasi berkenaan akan dilanjutkan pada Selasa, 6 Disember 2022 hingga Jumaat, 9 Disember 2022, bermula jam 8.00 malam hingga 6.00 pagi.

Sehubungan itu, para pengguna jalan raya dinasihatkan untuk sentiasa berhati-hati apabila melalui kawasan berkenaan dan mematuhi tanda-tanda lalu lintas serta had laju yang dibenarkan.

# AWANG YUSMA BAHRIN YANG DI-PERTUA PFNBD BAHARU

**Siaran Akhbar dan Foto : Pertubuhan Fotografi Negara Brunei Darussalam**



**MANTAN Yang Di-Pertua PFNBD, Awang Haji Hamidun bin Haji Mohd Noor selaku Pengerusi Acara semasa berucap (atas), manakala gambar bawah, Awang Yusma Bahrin bin Dato Paduka Haji Md Yusof yang dilantik sebagai Yang Di-Pertua PFNBD baharu bagi Tahun 2023 hingga 2024 semasa hadir pada majlis berkenaan.**

**BANDAR SERI BEGAWA**N, Isnin, 5 Disember. - Awang Yusma Bahrin bin Dato Paduka Haji Md Yusof telah menerima undian penuh dan sekali gus dilantik sebagai Yang Di-Pertua Pertubuhan Fotografi Negara Brunei Darussalam (PFNBD) baharu bagi Tahun 2023 hingga 2024.

Pelantikan Yang Di-Pertua baharu bagi Tahun 2023 hingga tahun 2024 dan seterusnya pembubaran Ahli Jawatankuasa bagi Tahun 2020 hingga 2022 diadakan baru-baru ini di salah sebuah restoran di Kampung Sungai Hanching.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan seterusnya meneliti dan mensahkan minit mesyuarat agung yang lalu.

Sebelum pembubaran ahli jawatankuasa dirasmikan, mantan Yang Di-Pertua PFNBD, Awang Haji Hamidun bin Haji Mohd Noor selaku Pengerusi acara berharap ahli muda belia yang berwibawa dan mempunyai sifat kepimpinan akan berani menerajui pertubuhan fotografi berkenaan.

Sejurus penyerahan tugas dijalankan, Yang Di-Pertua PFNBD baharu bagi tahun 2023 hingga 2024, Awang Yusma Bahrin dalam ucapan perdananya turut melantik mantan Yang Di-Pertua PFNBD, Awang Haji Hamidun, sebagai Penasihat PFNBD.

Dalam pada itu, Awang Yusma Bahrin juga merakamkan ucapan terima kasih kepada ahli-ahli yang menyokong dan memberi kepercayaan kepada beliau dan seterusnya berharap kerjasama yang padu dari semua ahli dalam apa jua aktiviti atau projek mendatang.

Beliau turut memaklumkan bahawa lantikan ahli-ahli jawatankuasa baharu akan dikongsikan dalam waktu yang terdekat ini.

Mesyuarat Agung PFNBD diadakan dua tahun sekali. PFNBD mula ditubuhkan pada tahun 1968 dan diterajui oleh Allahyarham Awang Haji Kamaluddin bin PDP Haji Abu Bakar.



# NBD akan bersaing dalam APICTA 2022

**Siaran Akhbar : Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 5 Disember. - Negara Brunei Darussalam (NBD) akan bersaing dalam Anugerah Asia Pacific ICT Alliance (APICTA) 2022, iaitu sebuah pertandingan ICT bertaraf antarabangsa dan berprestij, yang akan diadakan di Islamabad, Republik Islam Pakistan pada 7 hingga 11 Disember 2022.

Pada pertandingan tersebut, negara akan diwakili oleh empat pasukan, iaitu johan, naib johan dan peserta Anugerah Brunei ICT (BICTA) 2022.

Kementerian Kesihatan dengan produk 'BruHealth' dan 'TechSim' oleh Rumine Corporation akan bersaing secara individu pada pertandingan tersebut.

Manakala Sekolah Menengah Berakas dan Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (SUAMRIPAHS) dengan produk masing-masing iaitu 'MidoriSAWI' dan 'SignSpeak' akan menyertai pertandingan berkenaan secara maya dari negara ini.

Delegasi NBD ke APICTA 2022 diketuai oleh Pengurus kanan, Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi (AITI), Hajah Ismawati binti Haji Ismail, sebagai ahli jawatankuasa eksekutif (ExCo) Negara Brunei Darussalam APICTA dan hakim pertandingan APICTA tahun ini.

Pengerusi Persekutuan Infocom Brunei (IFB), Pengiran Sarimah binti Pengiran Haji Abdul Latiff, yang juga Ahli ExCo Negara Brunei Darussalam, akan turut menyertai acara ini sebagai hakim.

Delegasi termasuk Dr. Yong Chee Tuan dari Yi Ecomodern Solutions Sendirian Berhad selaku Hakim Penasihat APICTA dan tiga hakim lain, iaitu Dr. Sophiana Chua Abdullah dari A Vision A Day Company; Pengiran Khairi Pengiran Haji Metussin dari Mindtrex Academy; dan Reza Faizal Mohd Nor dari Folec Communications Sendirian Berhad.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat berlepas kepada delegasi ialah Pegawai-pegawai Kanan dari Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC); dan AITI serta anggota IFB.

Penyertaan NBD dalam Anugerah APICTA adalah inisiatif berterusan MTIC, AITI dan IFB.

Ia bertujuan untuk merangsang inovasi dan kreativiti dalam ICT, serta membangunkan sektor ICT negara dengan menggalakkan individu, pelajar dan perniagaan untuk bersaing di peringkat antarabangsa.

Sejak 2008, Negara Brunei Darussalam telah memenangi dua anugerah dan 27 anugerah merit dalam APICTA.

Untuk maklumat lanjut mengenai BICTA dan APICTA, sila layari laman sesawang BICTA di *www.bicta.gov.bn* dan laman sesawang APICTA di *www.apitta.org.*

# ALAI PINTAR

**SOALAN 091**

## SOALAN 7 DISEMBER 2022, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan.

1. Antara berikut, haiwan manakah yang tinggal di air?
   a) Harimau
   b) Ikan Yu
   c) Kucing
2. 7,569 adalah jawapan kepada ___________.
   a) 6,755 + 814
   b) 3,457 + 543
   c) 4,567 + 322
3. Pantai Muara terletak di daerah mana?
   a) Daerah Belait
   b) Daerah Tutong
   c) Daerah Brunei & Muara

**TARIKH TUTUP : 18 DISEMBER 2022**

## SYARAT PERADUAN

1. Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
2. Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
   - Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama,Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam
   - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;
   - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
   - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.
3. Alai juga boleh menggambar borang jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian **+673 8300836** atau emel ke **pelita.brunei@information.gov.bn**
4. Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama : ..........
Tarikh Lahir : ..........
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : ..........
Sekolah : ..........
Tahun : ..........
Alamat : ..........
..........
Nombor Telefon (mudah dihubungi) : ..........

## HADIAH PEMENANG

1. ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK SEORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.
2. ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER SAMIMA SDN BHD BERNILAI **BND40.00**

**PEMENANG ALAI PINTAR 090 :**

Nama : Haziqah Nur Nadhirah Binti Ismail
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 01116936-01. Sekolah : Sekolah Rendah Raja Isteri Fatimah

**JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 090**

1. C – 6,525
2. A – 12 Rabiulawal
3. A – Deria dengar



# Tindakan menangani cabaran

**Terjemahan oleh : Norliah Md. Zain**
**Sumber : Brunei Darussalam Sustainable Developments Goals Annual Report 2021**
**Foto : Jabatan Penerangan**

BEBERAPA tindakan utama telah dilaksanakan untuk menangani cabaran dalam memperkukuh agenda global bagi Negara Brunei Darussalam (NBD).

**1. Mengecilkan jurang data, kapasiti**

Beberapa agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu membantu NBD untuk menangani jurang yang telah dikenal pasti. Sekretariat Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) telah bekerjasama dengan organisasi seperti UN ESCAP dan United Nations Development Programme (UNDP) untuk meneroka kepakaran bagi panduan dan alatan sesuai yang boleh digunakan dan disesuaikan dengan keperluan NBD. Bantuan teknikal ini akan menambah nilai dalam merealisasikan hasrat NBD untuk menyediakan Voluntary National Review (VNR) Kali Kedua pada tahun 2023.

**2. Pencapaian yang disasarkan menjelang 2030**

Mengutamakan beberapa matlamat SDG dengan tempoh masa yang jelas boleh menggalakkan pelaksanaan SDG yang realistik, disasarkan dan berkesan menuju tahun 2030. NBD sedang berusaha ke arah menyatupadukan matlamat di bawah setiap 5P : 'Rakyat, Planet, Kemakmuran, Keamanan dan Perkongsian' ('People, Planet, Prosperity, Peace and Partnership') dan keutamaan di bawah Wawasan Brunei 2035 pada tahun-tahun akan datang.

**3. Kumpulan Kerja Teknikal**

Kumpulan Kerja Teknikal SDG (SDGTWG) NBD telah ditubuhkan sebagai sebahagian daripada Jawatankuasa Penyelarasan Kebangsaan Khas mengenai SDGs untuk menangani secara khusus kebimbangan berkaitan data. SDGTWG menyokong penyusunan, penyebaran, dan komunikasi penunjuk SDG untuk NBD. SDGTWG juga akan berusaha ke arah menerima pakai definisi, konsep, metodologi penunjuk SDG yang dipersetujui di peringkat antarabangsa, yang akan membawa kepada laporan kemajuan pengeluaran dan penyebaran petunjuk SDG kepada Jawatankuasa Penyelarasan Kebangsaan Khas mengenai SDG.

**4. Mobilisasi sumber**

Cara kreatif sedang diterokai untuk memastikan penggemblengan sumber yang berkesan. Contohnya, pembiayaan gabungan (Perkongsian Awam-Swasta), penyertaan dan sumbangan Badan Bukan Kerajaan (NGO), penglibatan institusi pendidikan, dan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR). Dalam jangka panjang, mengaitkan Rancangan Kemajuan Negara (RKN) dengan SDG juga boleh diterokai kerana secara konsepnya, ia mempunyai tujuan yang sama. Usaha mobilisasi juga dirancang untuk menyampaikan SDGs bagi memastikan rakyat menyedari peranan mereka dalam mencapai SDGs. Agenda 2030 memerlukan pendekatan *whole-of-society* untuk mengemudi, dan perkongsian yang kukuh dengan NGO dan sektor swasta untuk mencapai destinasi yang diingini dan berpotensi membentuk nilai kemampanan ke dalam kehidupan harian.

**Kesimpulan**

NBD mengiktiraf bahawa untuk mencapai Agenda 2030 memerlukan usaha kolaboratif dan diselaraskan daripada semua lapisan masyarakat. NBD terus mencapai kemajuan yang baik terutamanya dalam petunjuk yang berkaitan dengan kesihatan dan kesejahteraan, pendidikan, kesaksamaan jantina, tenaga mampu milik dan bersih, air bersih dan sanitasi, industri, inovasi dan infrastruktur. Kemajuan akan terus dibuat dalam bidang utama lain di samping memberi perhatian kepada bidang yang memerlukan pengukuhan.

The Decade of Action sudah tiba dan dengan masa kurang daripada 10 tahun untuk mencapai SDG, NBD akan terus kukuh. COVID-19 telah menimbulkan cabaran selanjutnya untuk mencapai SDGs menjelang 2030, namun NBD komited dengan matlamat ini dan tidak akan meninggalkan sesiapa pun. NBD akan memanfaatkan kuasa komuniti kita untuk menyumbang kepada matlamat global yang mampan. Komitmen kita ialah *work in progress* dan NBD hendaklah berusaha untuk memastikan perkara ini berterusan. Kita akan bersatu untuk perkara ini demi memastikan kita berperanan dalam menyampaikan masa depan yang berkembang maju dan mampan bagi NBD dan dunia, dan kita akan melaporkan perkongsian kemajuan setiap tahun untuk Laporan Tahunan SDGs NBD.



BERITA GLOBAL

# USAHA PEMULIHAN FUKUSHIMA TERIMA PENGIKTIRAFAN DUNIA

**FUKUSHIMA** (Jepun), 6 Dis. - Pembukaan semula J-Village iaitu pusat latihan bola sepak kebangsaan pertama Jepun menjadi bukti pemulihan berterusan di Fukushima selepas gempa bumi melanda kawasan itu pada 2011.

Menteri Pembinaan Semula Jepun, Takeya Toshiko berkata J-Village simbol kepada usaha pemulihan di Fukushima dan pusat itu kini tumpuan dunia apabila ia menjadi lokasi permulaan bagi larian obor Sukan Olimpik Musim Panas dan Paralimpik 2020 yang diadakan di Tokyo.

"J-Village menjadi simbol pemulihan dan pembinaan semula di Fukushima. Bagaimanapun, arahan untuk berpindah masih dikekalkan di beberapa kawasan sekitar bencana kerana ia menimbulkan pelbagai cabaran dan kami sedang dalam proses pembinaan semula," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan alu-aluan pada majlis makan malam yang diadakan untuk delegasi Mesyuarat keempat Peringkat Tinggi Rangkaian Bandar Pintar ASEAN-Jepun di J-Village di sini, Isnin.

Pada 1997, J-Village telah diasaskan sebagai Pusat Latihan Bola Sepak Kebangsaan yang pertama di negara ini.

Susulan kejadian gempa bumi dahsyat yang melanda timur Jepun pada 2011, tempat itu dijadikan sebagai pangkalan sokongan selepas kemalangan loji tenaga nuklear dan tidak lagi berfungsi sebagai pusat bola sepak.

Bagaimanapun, pada Julai 2018 J-Village dibangunkan semula bagi memenuhi tujuan asalnya dan kembali berperanan sebagai pusat kemudahan kem latihan dan kejohanan bagi Nadeshiko Jepun dan pasukan kebangsaan membabitkan pelbagai peringkat umur.

Takeya berkata kerosakan Loji Kuasa Nuklear Fukushima Daiichi akibat kejadian gempa bumi dan tsunami yang melanda Jepun pada Mac 2011 memaksa penduduk meninggalkan kediaman mereka untuk tempoh yang panjang.

Sehubungan itu, kerajaan Jepun akan mengambil langkah konkrit untuk memastikan kepulangan penduduk, selain membina industri dan mewujudkan sumber mata pencarian secara berperingkat, katanya.

"Tahun depan, kami akan membuka Institut Penyelidikan, Pendidikan dan Inovasi Fukushima dalam membasmi persepsi salah berkaitan dengan bencana nuklear," katanya.

Terdahulu, rombongan delegasi itu melawat Terra Labo iaitu sebuah syarikat dron terkemuka yang terletak di Minamisoma City di Fukushima.

Kawasan yang terbuka luas dan hangar digunakan oleh Terra Labo bagi membangunkan pesawat dron mereka sendiri untuk meninjau dan mengumpul maklumat semasa pengurusan bencana dan operasi.

Dron berkenaan boleh membawa sehingga 10 kilogram (kg) dan boleh dikonfigurasikan dengan pelbagai sensor dan kamera untuk tujuan berbeza.

Kumpulan itu turut melawat Pusat Ujian Robot Fukushima - sebuah kompleks milik kerajaan wilayah Fukushima.

Mereka turut melawat Muzium Peringatan Gempa Bumi dan Bencana Nuklear di Timur Jepun.

Delegasi itu terdiri wakil dari 10 negara anggota ASEAN termasuk tiga petugas media dari Malaysia, Filipina dan Kemboja. - ©BERNAMA

# Libya gesa syarikat minyak, gas sambung semula operasi

**TRIPOLI (Libya)**, 6 Dis. - Kerajaan Perpaduan Libya pada Isnin mengumumkan bahawa pihaknya telah menarik balik force majeure terhadap penerokaan minyak dan gas, lapor Agensi Anadolu.

Kerajaan menerusi satu kenyataan menggesa syarikat minyak antarabangsa yang mempunyai kontrak dengan Perbadanan Minyak Nasional Libya untuk meneruskan operasi di negara itu.

Kerajaan bersedia untuk memberi sokongan yang diperlukan dalam hal ini dan mewujudkan persekitaran kerja yang selamat, menurut kenyataan itu.

Keputusan untuk menarik balik force majeure itu diambil selepas analisis mengenai keadaan keselamatan di Libya dilakukan.

Ia menambah bahawa negara akan meneruskan aliran minyak, yang merupakan sumber asli utama negara, ke pasaran global.

Perbadanan Minyak Nasional mengisytiharkan force majeure untuk aktiviti cari gali minyak dan gas pada 24 Nov disebabkan situasi keselamatan di negara itu.

Libya dikecualikan daripada keputusan Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum serta negara pengeluar bukan OPEC yang diketuai oleh Rusia, atau OPEC+ untuk mengurangkan pengeluaran minyak harian sebanyak dua juta tong hingga 2023. - ©BERNAMA

# Inflasi di Laos meningkat kepada 38.46 peratus pada November

**VIENTIANE**, 5 Dis. - Inflasi di Laos meningkat kepada 38.46 peratus tahun ke tahun pada November daripada 36.75 peratus pada Oktober, menurut laporan dikeluarkan Biro Perangkaan Laos pada Isnin.

Harga bahan api dan barangan pengguna yang lebih tinggi serta penyusutan nilai mata wang Lao yang berterusan adalah antara faktor utama yang mendorong inflasi, lapor Xinhua.

Kenaikan harga minyak memberi kesan kepada indeks harga pengangkutan, mendorong kenaikan harga barangan yang bergantung kepada bahan api untuk pengeluaran atau pengangkutannya.

Menurut laporan itu, kos dalam kategori komunikasi dan pengangkutan meningkat 55.4 peratus tahun ke tahun pada November.

Harga makanan dan minuman bukan alkohol melonjak 42.3 peratus.

Kos kategori hotel dan restoran meningkat 30.9 peratus.

Selain itu, kos kategori perumahan melonjak 30.41 peratus manakala kos rawatan perubatan dan ubat-ubatan meningkat 42 peratus.

Kenaikan harga merentasi semua jenis produk menyukarkan orang awam, terutama mereka yang bergaji rendah. - ©BERNAMA

# Perdana Menteri Australia akan laksanakan 'harga siling' bagi arang batu

**ANKARA**, 6 Dis. - Perdana Menteri Australia pada Isnin meminta kerajaan negeri yang memiliki pasaran eksport arang batu terbesar di negara itu untuk menetapkan 'harga siling' dalam usaha mengurangkan kenaikan harga bahan api itu.

Menjelang mesyuarat Kabinet Rabu ini, Anthony Albanese berkata penetapan harga siling terhadap arang batu dan gas mungkin bermakna membayar pampasan kepada pengeluar, lapor Agensi Anadolu memetik akhbar Sydney Morning Herald.

Bercakap kepada radio Adelaide, beliau menegaskan bahawa kerajaan sedang mempertimbangkan untuk campur tangan dalam pasaran gas dan arang batu bagi menurunkan harga elektrik dan tidak mengganggu pasaran.

Negeri-negeri New South Wales, Queensland dan Australia Selatan menentang cadangan ini, menuntut kerajaan memberi jaminan bahawa dasar penetapan harga siling tidak akan berlaku.

Albanese berjanji untuk membincangkan isu pampasan dengan pemimpin negeri sebelum mesyuarat Kabinet.

Menurut pegawai kanan kerajaan, tiada keputusan dibuat mengenai isu itu, dan kerajaan masih belum mempertimbangkan untuk mengadakan persidangan parlimen sebelum 2023 bagi meluluskan undang-undang yang diperlukan demi melaksanakan perubahan itu.

Menurut data kerajaan, Australia mempunyai pasaran eksport arang batu kedua terbesar di dunia. - ©BERNAMA

# G7, Australia sertai EU untuk hadkan harga minyak Rusia

**WASHINGTON**, 5 Dis. - Negara G7 dan Australia menyertai Kesatuan Eropah (EU) pada Jumaat untuk mengguna pakai had harga $60 setong ke atas minyak Rusia, lapor Anadolu.

Satu kenyataan menyatakan EU telah mengambil langkah yang sama awal hari itu dan negara-negara berkenaan mencapai kata sepakat mengenai harga maksimum US$60 untuk minyak mentah dasar laut Rusia.

"Keputusan ini hari ini merupakan komitmen Pemimpin G7 pada sidang kemuncak di Elmau (Jerman) untuk menghalang Rusia memperoleh keuntungan daripada pencerobohannya ke atas Ukraine, menyokong kestabilan dalam pasaran tenaga global serta meminimumkan limpahan ekonomi negatif perang Rusia," katanya.

Keputusan mengenai had harga produk petroleum yang berasal dari Rusia itu berkuat kuasa 5 Feb, katanya.

Negara G7 dan EU sedang berunding untuk mengenakan had harga ke atas minyak Rusia.

Minggu lepas, G7 mencadangkan harga dari US$65 hingga US$70 setong.

Suruhanjaya Kesatuan Eropah mencadangkan had harga ditetapkan sebanyak US$60 untuk minyak yang diangkut dari Rusia melalui laut untuk dipersetujui dalam rundingan antara negara anggota.

Selain itu, EU sedang mengusahakan mekanisme mengehadkan harga baharu yang akan membolehkan penilaian semula dibuat setiap dua bulan.

Mekanisme itu akan memastikan had harga baharu dikekalkan lima peratus di bawah harga pasaran.

Harga itu akan berkuat kuasa 5 Dis selari keputusan EU dalam mengurangkan bekalan minyak mentah dari Rusia melalui laut.

Rusia mengeluarkan kira-kira 10 peratus daripada pengeluaran minyak dunia.

Sementara itu, pegawai Rusia mengumumkan mereka akan menolak untuk menjual minyak kepada negara yang bersetuju dengan harga berkenaan. - ©BERNAMA

# Finland kemukakan rang undang-undang keahlian NATO ke parlimen - Laporan

**HELSINKI**, 5 Dis. - Kerajaan Finland akan mengemukakan rang undang-undang mengenai keahlian NATO kepada parlimen pada Isnin, lapor Sputnik, memetik Agensi Berita Finland STT.

Meskipun Turki dan Hungary belum mengesahkan keahlian Finland dalam perikatan itu, Finland mahu rang undang-undang itu dibahaskan dengan lebih awal di peringkat jawatankuasa parlimen.

Rang undang-undang yang ditaja Kementerian Luar Finland itu telah diumumkan untuk rundingan pada 3 Nov.

Pada 18 Mei – tiga bulan selepas Rusia melancarkan operasi ketenteraannya di Ukraine – Finland dan Sweden menyerahkan permohonan keahlian NATO.

Hungary dan Turki antara 30 negara perikatan yang masih belum meluluskan keahlian dua calon baharu itu.

Minggu lalu, Menteri Luar Finland Pekka Haavisto berkata Hungary berjanji untuk meratifikasi keahlian negara itu pada awal Februari. - ©BERNAMA

# DEDAHKAN TEKNIK, SISTEM PERMAINAN, UNDANG-UNDANG LAWAN PEDANG



**PENGARAH Belia dan Sukan, Dayang Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim hadir selaku tetamu kehormat majlis, seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil kepada para peserta.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 5 Disember. - Kem Sukan Lawan Pedang 2022 anjuran Jabatan Belia dan Sukan (JBS), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Unit Kejurulatihan dan Pembangunan Sukan (UKPS), Bahagian Sukan dengan Kerjasama Persekutuan Lawan Pedang Negara Brunei Darussalam (BDFF) melabuhkan tirainya baru-baru ini dengan Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil, di Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil ialah Pengarah Belia dan Sukan, Dayang Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim.

Kem Sukan Lawan Pedang berlangsung selama tiga hari dua malam, bermula 1 hingga 3 Disember 2022, yang diadakan di sekitar Pusat Belia, Bandar Seri Begawan dan Dewan Sukan Lawan Pedang, Kompleks Sukan Menglait, Gadong.

Sesi dikendalikan oleh Jurulatih Lawan Pedang JBS, iaitu Rocky Poerawinata, Mohamed Haerullah dan turut dibantu oleh pihak BDFF.

Seramai 20 atlet pembangunan Sukan Lawan Pedang berumur 11 hingga 20 tahun di bawah Skim Latihan JBS, Negara Brunei Darussalam menyertai Kem Sukan tersebut.

Program Kem Sukan Lawan Pedang ini merupakan inisiatif jurulatih-jurulatih UKPS, Bahagian Sukan, JBS, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Program ini menghimpunkan sekumpulan atlet pembangunan di bawah Skim Latihan Long Term Athletes Development (LTAD) yang berpotensi, terbaik serta berbakat untuk menimba pengalaman, pengetahuan dan kemahiran yang menarik dengan mendedahkan teknik, sistem permainan serta undang-undang yang sistematik, selain menanam minat, seterusnya mencungkil bakat-bakat baharu dalam sukan ini untuk seterusnya diserapkan ke dalam skuad pelapis *junior* kebangsaan.

Antara objektif yang ingin dicapai dari pelaksanaan program ini adalah untuk mendedahkan golongan remaja (U-20) pada teknik asas dan sistem permainan serta undang-undang lawan pedang secara sistematik dan betul; menyeimbangkan pembangunan sukan lawan pedang dengan lebih tersusun di peringkat akar umbi serta turut menjayakan program LTAD dari UKPS; melahirkan ahli masyarakat yang sihat dan cergas bersesuaian dengan objektif kerajaan yang memperkenalkan program 'Brunei Sihat dan Cergas' serta menyahut seruan kerajaan yang mahukan seluruh rakyat dan penduduk tetap untuk sama-sama melakukan transformasi buat negara, termasuk sukan negara dengan semangat 'Brunei Yakin'.

# Timba pengalaman, pengetahuan sebanyak mungkin

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**>> Muka 24**

"Kerana atlet-atlet yang berada di sini adalah atlet yang akan menjadi atlet kebangsaan pada satu hari nanti, yang akan mengharumkan nama NBD dengan meraih pingat, di kejohanan-kejohanan sukan antarabangsa, insyaAllah," terangnya.



**SETIAUSAHA Tetap (Kesukanan) KKBS berucap pada majlis pelancaran tersebut.**

Terdahulu, Pemangku Ketua Pegawai Belia dan Sukan, Dayang Nur Iffah Natasha Sofea Abdullah, dalam ucapan alu-aluannya selaku Pengerusi mengongsikan, bahawa kem akan dibimbing oleh gabungan jurulatih-jurulatih sukan dan Jurulatih-jurulatih OBBD.

Terangnya, pengisian program berkenaan akan membawa para atlet muda ini luar dari latihan harian sukan dan rutin keselesaan mereka dengan aktiviti yang akan menguji ketahanan fizikal dan mental.

"Aktiviti Ice Breaking dan Team Building turut diadakan serta aktiviti membudayakan kerohanian Islam dengan pengisian masa yang padat dan bermula pada waktu Subuh dengan sembahyang waktu, membina semangat kenegaraan pada awal pagi, program jati diri yang dinamik pada waktu pagi, tengah hari dan petang; dan pada malamnya sesi *reflections* dan tinjauan," ujarnya.

Beliau menambah, JBS dan OBBD berharap program tersebut dapat memberikan impak positif yang berkekalan, dalam melahirkan atlet jati diri yang tinggi, meningkatkan ketahanan fizikal, mental dan emosi yang sedia ada dengan lebih kuat dan berterusan agar dapat membantu mereka menghadapi perlawanan *under pressure,* selain mempunyai sifat atlet cemerlang berdaya saing serta mampu mengharumkan nama negara.

Program Kem berkenaan menghimpunkan sekumpulan atlet pelapis di bawah Skim Latihan JBS yang berpotensi, terbaik serta berbakat untuk menimba pengalaman, pengetahuan dan kemahiran yang menarik dengan menerapkan konsep Melayu Islam Beraja.

Selari dengan objektif program, OBBD merupakan salah sebuah agensi kerajaan yang memainkan peranan penting, dalam sama-sama menjayakan Wawasan Brunei 2035 melalui strategi jaminan sosial selaras dengan objektif penubuhannya, iaitu untuk membolehkan para belia membina ketahanan fizikal dan kemantapan mental serta melengkapkan diri dengan sifat-sifat tabah, berani, sabar, berdisiplin, berdikari dan bertanggungjawab serta dapat menyesuaikan diri dengan apa jua keadaan dan cabaran kehidupan.

Kem Sukan Atlet Berbakat ini juga merupakan langkah proaktif, dalam merancang program bagi membimbing atlet-atlet Skim Latihan JBS yang dikenal pasti ke arah perkembangan pembangunan keperibadian mereka, seterusnya cemerlang dalam bidang sukan.

Di samping itu, ia juga selaras dengan Pelan Strategik 2020 - 2024 KKBS, iaitu melalui sektor kesukanan : Negara Sukan Yang Gemilang, di mana misinya adalah untuk mewujudkan persekitaran terbaik bagi kemajuan sukan dan akses kepada individu untuk menyertai aktiviti-aktiviti kesukanan, bersaing dan mencapai kecemerlangan tinggi dalam sukan, serta mengamalkan gaya hidup sihat.

Antara objektif pelaksanaan program tersebut adalah untuk memberikan peluang berkongsi pengalaman dan pengetahuan, di samping mengumpulkan atlet-atlet pelapis skim JBS yang terbaik serta memberikan pendedahan yang berbentuk intensif dalam suasana Kem Sukan bagi meningkatkan jati diri dan sahsiah atlet.

Selain itu, program juga dapat melahirkan atlet yang berwibawa dan berketerampilan baik serta membentuk kerjasama dalam satu pasukan, seterusnya memupuk semangat patriotik, di samping dapat meningkatkan tahap kecergasan dalam bidang sukan.

# Riadah Berbasikal Santai eratkan silaturahim



**ANTARA yang menyertai Aktiviti Riadah Berbasikal Santai 2022.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Santai-Santai Riders**

**TUTONG**, Selasa, 6 Disember. - Dalam usaha berterusan bagi mengekalkan gaya hidup sihat, Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Daerah Tutong mengadakan Aktiviti Riadah Berbasikal Santai 2022 baru-baru ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan meyertai acara tersebut ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Aktiviti Berbasikal santai sejauh 30 kilometer telah disertai oleh kumpulan berbasikal dari Daerah Tutong iaitu Santai-Santai Riders (SSR), Amateur Cycling Team (ACT) dan juga wakil Persatuan Berbasikal Ekspedisi sukarelawan Tutong (B.E.S.T) selaku Marshall Aktiviti Berbasikal pada hari tersebut.

Acara Berbasikal tersebut bermula dan berakhir di pekarangan Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Daerah Tutong, di mana pihak penganjur telah berjaya menarik lebih daripada 70 peserta.

Menurut salah seorang peserta, Awang Idris bin Haji Ali Bahar dari kumpulan SSR dengan adanya acara seumpama itu ia bukan sahaja untuk untuk kesihatan malahan mengeratkan lagi hubungan silaturahim bersama pengemar-pengemar berbasikal dan juga sekali gus memeriahkan Acara Riadah Berbasikal Santai 2022 sempena bazar buku dan program cuti persekolahan.

PELITA BRUNEI
PELITA BRUNEI SUKAN
ePaper Pelita Brunei

# MSSBD JUARA KEJOHANAN SENI PENCAK SILAT REMAJA

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



SETIAUSAHA Tetap (Kesukanan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bergambar bersama para pemenang kejohanan.

**BERAKAS**, Selasa, 6 Disember. - Majlis Sukan Sekolah-sekolah Brunei Darussalam (MSSBD) muncul juara keseluruhan bagi Kategori Lelaki dan Perempuan pada Kejohanan Seni Pencak Silat Remaja Sempena Festival Disember 2022 Peringkat Kebangsaan anjuran Persekutuan Pencak Silat Kebangsaan Brunei Darussalam (PERSIB).

Majlis tersebut berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis penutup berkenaan ialah Setiausaha Tetap (Kesukanan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud.

Atur cara dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan, 'Allah Peliharakan Sultan' beramai-ramai, diikuti dengan bacaan Doa Selamat.

Ini kemudiannya diteruskan lagi dengan pertandingan akhir silat, dan seterusnya diakhiri dengan penyampaian cenderahati kepada kontinjen-kontinjen dan hadiah-hadiah kepada para pemenang kejohanan yang disampaikan oleh tetamu kehormat.

Pada kejohanan tersebut, Awang Md. Azinuddin bin Md. Azree dari MSSBD memenangi Pesilat Harapan Lelaki, sementara Pesilat Harapan Wanita pula dimenangi oleh Dayang Nurul Rabia'tul Mas Shafiqa binti Masleyady dari Daerah Brunei-Muara.

Sementara, johan Pesilat Solo Kreatif kategori lelaki dan perempuan pula masing-masing disandang oleh Awang Hasif bin Haji Alisam dan Dayang Nur Asyifa Shabeqah binti Masli daripada Daerah Tutong.

# Timba pengalaman, pengetahuan sebanyak mungkin



**SETIAUSAHA Tetap (Kesukanan), KKBS, bergambar ramai bersama para atlet pelapis Skim Jabatan Belia dan Sukan.**

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**TEMBURONG**, Isnin, 5 Disember. - Seramai 35 atlet pelapis Skim Jabatan Belia dan Sukan (JBS), yang mewakili sukan Pencak Silat, Taekwando, Olahraga, Catur, Lawan Pedang, Bola Jaring dan Karate menyertai Program Kem Sukan Atlet Berbakat, yang julung kalinya diadakan di Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD).

Program tersebut merupakan inisiatif JBS melalui Unit Kejurulatihan dan Pembangunan Sukan (UKPS), Bahagian Sukan dengan kerjasama OBBD, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), yang diungkayahkan selama empat hari tiga malam, bermula hari ini hingga 8 Disember 2022.

Sehubungan itu, diadakan Majlis Pelancaran Kem Sukan Atlet Berbakat Kali Pertama, disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Kesukanan), KKBS, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud selaku tetamu kehormat majlis.

Pengiran Mohammad Amirrizal dalam ucapannya berharap agar para atlet dapat menimba pengalaman dan pengetahuan sebanyak yang mungkin, sentiasa bersemangat, aktif serta komited, dalam penglibatan aktiviti-aktiviti yang diberikan sepanjang kem berkenaan.

"Sudah setentunya suasana kem sangat berbeza, dinamik dan mencabar jika dibandingkan dengan suasana latihan yang dijalani setiap hari. Walau bagaimanapun diharap para atlet akan menyahutnya sebagai satu cabaran dan bersedia untuk keluar daripada *comfort zone* dan melalui pengalaman ini dengan sikap terbuka," jelas beliau.

Melalui program ini juga, tambahnya, akan dapat memberikan peluang untuk menyatupadukan para atlet dari sukan yang berbeza agar dapat memupuk semangat berpasukan dan patriotisme yang boleh diterapkan semasa mewakili kontinjen NBD nanti.

Walau bagaimanapun para atlet juga, tegasnya, diingatkan untuk sentiasa mematuhi peraturan yang ditetapkan dan sentiasa mempamerkan imej yang positif sebagai seorang atlet negara.

>> Muka 23